قليتا بروني

# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 49 | RABU 7 DISEMBER, 1983. | رابو 2 ربيع الاول 1404 | PERCUMA

# DYMM PERKENAN PASPORT BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan melalui Jabatan Imigresen akan mengeluarkan pasport antarabangsa Negara Brunei Darussalam kepada warganegara negara ini selaras dengan kedudukan negara yang akan mencapai kemerdekaan awal tahun depan.

Pengeluaran pasport baru itu adalah atas perkenan kurnia Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Laporan akhbar dikeluarkan oleh Pengawal Imigresen minggu ini berkata pemohonan untuk mendapatkan pasport berkenaan akan mula diterima pada 15 Disember ini di semua cawangan pejabat berkenaan seluruh negara.



DATO Paduka Abidin

Menurut kenyataan Pengawal itu lagi pertukaran pasport yang baru ini ialah bagi menggantikan pasport British yang telah digunakan selama ini, bagaimanapun pasport British masih boleh digunakan untuk perjalanan antarabangsa selepas 1 Januari 1984 sebagai urusan sementara dengan syarat pasport berkenaan hendaklah dihantar ke Pejabat Imigresen terlebih dahulu untuk pengesahan.

Dato Paduka Abidin bin Abdul Rashid Pengawal Imigresen dan Pendaftaran Taraf Kebangsaan menafikan terhadap khabar-khabar angin yang menyatakan warganegara Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berada di luar negeri akan kehilangan taraf kerakyataan mereka sekiranya tidak kembali ke negara ini menjelang hari kemerdekaan.

"Khabar-khabar angin ini adalah tidak berasas sama sekali, dengan kata lain warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk-penduduk tetap Negara Brunei Darussalam tidaklah diperlukan kembali ke negara ini pada 1 Januari 1984, dan kegagalan mereka berbuat demikian tidaklah sama sekali akan menyebabkan taraf kewarganegaraan dan penduduk tetap mereka akan terlucut," jelasnya.

Dalam pada itu menjelaskan tentang pendaftaran untuk mendapatkan pasport berkenaan, Dato Paduka Abidin berkata untuk urusan permulaan Jabatan Imigresen telah membuka cawangan di bangunan bekas Jabatan

(Lihat muka 16)

## MANISNYA IMAN

"YA ALLAH! Janganlah Engkau bunuh kami dengan kemurkaan-Mu dan janganlah Engkau musnahkan kami dengan azab-Mu. Sejahterakanlah kami sebelumnya." — Hadis Nabi petikan At-Tarmizi dan Al-Hakim.



## Melawat khemah latihan

Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam selaku Kolonel Komandan Pasukan Askar Wanita AMDB baru-baru ini telah berkenan berangkat melawat 'Latihan Membiasakan Diri Dalam Hutan' bagi 24 orang rekrut pengambilan kelima askar wanita di kawasan Arur Bada, Temburong.

Gambar atas memperlihatkan Yang Teramat Mulia itu ketika menyaksikan salah satu cara memasang jerat atau perangkap yang merupakan salah satu latihan berkehdupan dalam hutan bagi rekrut-rekrut tersebut. Selain dari menyaksikan berbagai kegiatan, Yang Teramat Mulia juga sempat berkenalan dengan para rekrut yang di bawah pegawai pelatih mereka Leftenan Hartini. (Berita dan gambar-gambar lihat muka 8 dan 9).

## Ucapan terima kasih

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dengan sukacita menyabdakan ucapan terima kasih terhadap persembahan perutusan tahniah di atas kelahiran seorang lagi cucunda kepada Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, iaitu anakanda kepada Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah dan Y.A.M. Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tajuruddin.

Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah, dengan izin Allah telah selamat melahirkan seorang putera pada hari Isnin 23 Safar 1404 bersamaan dengan 28 November 1983 jam 10.00 malam.

# Kerajaan sentiasa galakkan rakyat di bidang perniagaan

KUALA BELAIT. — Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menggalakkan rakyat di negara ini untuk berkecimpung di bidang perniagaan terutama dalam syarikat kerjasama.

Pesuruhjaya Tanah, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Md Jaafar semasa merasmikan Shell Service Station kepunyaan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dengan tanggungjawab berhad (SEPAKAT) pada hari Ahad lalu, menjelaskan sekarang kemampuan kita di bidang perniagaan begitu terhad serta menghadapi persaingan yang hebat dari peniaga yang sudah matang.

Menurutnya, Sepakat pada mulanya mempunyai sebuah kedai syarikat yang maju dan kerana kurangnya sambutan daripada setengah ahli menyebabkan kedai Sepakat mengalami pendapatan yang semakin berkurangan.

Apa yang berlaku terangnya, masih dapat diperbetulkan serta hendaklah disedari syarikat yang ditubuhkan itu adalah untuk kemudahan kita yang mana keuntungannya adalah lebih besar.

Dalam memberikan sokongan dan sumbangan kepada syarikat, Dato Paduka Haji Abdullah mengingatkan agar jangan mudah terpengaruh dengan kata-kata dari anasir luar yang hanya bertujuan untuk melemahkan serta meruntuhkan sesebuah syarikat.

Terdahulu dari itu Pengerusi Sepakat, Abang Haji Abu Hanifiah bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Bujang dan Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Haji Bakyr telah menyampaikan ucapannya masing-masing. Bacaan doa selamat telah dibacakan oleh Imam Haji Zainal bin Idris.

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

7 DISEMBER, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# PERKEMBANGAN DALAM KERAJAAN: PERHATIAN LUAR DAN DALAM NEGERI

SEMAKIN dekat tempoh negara kita akan mengambil alih semula tanggungjawab penuh antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka, semakin besar pula minat pihak-pihak di luar negeri untuk mengetahui sebarang perkembangan yang mungkin berlaku dalam Kerajaan. Kepentingan mereka ialah untuk segera mengesan dasar-dasar yang akan diikuti oleh negara ini terutama yang melibatkan perhubungan antarabangsa.

Di dalam negeri, orang ramai sungguhpun menerima baik penjelasan bahawa tidak akan berlaku perubahan yang radikal namun mereka tentu sekali menjangkakan sebarang perubahan akan dibuat dalam Kerajaan, setidak-tidaknya perubahan ke atas susunan Kerajaan dengan mana hal-ehwal negara dan rakyat akan diuruskan.

Adalah perkara biasa bagi pihak-pihak di luar negeri itu memberi perhatian dengan harapan akan dapat mengesan lebih awal dasar-dasar yang akan diikuti oleh negara ini dalam perhubungan antarabangsa. Lebih-lebih lagi kerana gambaran mengenai negara ini yang dijelmakan ke dalam corak pemerintahannya selama ini tentu sahaja menambahkan minat sejauh mana corak tersebut itu akan dijelmakan ke dalam perhubungan antarabangsa atau sekurang-kurangnya mempengaruhi dasar-dasar dalam perhubungan tersebut. Tetapi pada umumnya kita beranggapan bahawa perhatian pihak-pihak luar itu adalah dalam rangka meneguhkan lagi kepercayaan masing-masing terhadap masa depan yang cerah yang akan kita tempuh dalam perhubungan antarabangsa itu sekalipun menurut kadar keperluan serta keupayaan kita yang terhad.

Mengenai perhatian di dalam negeri, ia adalah manifestasi dari kepercayaan semua pihak bahawa kemerdekaan penuh yang dicapai semula akan menambahkan tanggungjawab Kerajaan dan rakyat. Setentunya tanggungjawab yang bertambah itu mematutkan perubahan dalam cara melaksanakannya sesuai dengan jangkaan yang lazim dipertaruhkan oleh rakyat bagi meneruskan kemajuan yang berpatutan terutama peningkatan taraf hidup yang lebih selesa. Serentak dengan itu perhatian dan jangkaan mengenai sebarang perubahan dalam Kerajaan telah semakin meningkat dengan adanya kefahaman bahawa negara kita yang merdeka sepenuhnya perlu terus teguh dengan mempunyai Kerajaan yang berwibawa yang bukan sahaja untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan penduduk bahkan juga untuk sepenuhnya mentadbirkan negara serta memberi kepimpinan yang berkesan kepada rakyat ke arah memenuhi kehendak-kehendak negara yang merdeka.

Kefahaman mengenai perlunya negara terus-menerus teguh dengan mempunyai Kerajaan yang berwibawa yang dapat menguasai kepercayaan dan sokongan rakyat itu bukanlah perkara baharu. Ia mungkin baru dalam sebutan tetapi sebenarnya itulah rumusan aspirasi kita dalam berkerajaan dan bernegara selama ini. Rumusan yang penting ini patut dikembangkan menjadi suatu kesedaran yang meluas sebab ia berkaitan dengan ketahanan [illegible] bangsa yang merdeka di negara yang [illegible] di tengah-tengah kancah masyarakat [illegible]tarabangsa yang sentiasa bergolak.

Setakat ini Alhamdulillah, dalam [illegible] harapan dan jangkaan, rakyat telah [illegible] kepercayaan mereka kepada [illegible] pimpinan tertinggi negara dan pimpinan [illegible] Kerajaan. Jika kedudukan ini [illegible] sebagai suatu yang unik maka [illegible]guhnyalah ia jarang berlaku [illegible] suasana dunia sekarang. Selama ini [illegible] yang unik ini telah dipergunakan [illegible] sebaik-baiknya maka tidak ada [illegible] pergunakan dengan lebih baik dan [illegible] dalam kita semua berharap [illegible] kemerdekaan penuh yang dicapai akan [illegible] menjamin keteguhan negara dengan [illegible]punyai Kerajaan yang berwibawa serta [illegible] dapat sokongan dan kepercayaan rakyat [illegible] bagi memenuhi aspirasi Negara [illegible] Darussalam yang selamat, makmur dan [illegible] Allah.

Tentu pula keupayaan dan kegigihan [illegible] pada memenuhi aspirasi tersebut [illegible] mendapat perhatian dari pihak-pihak [illegible] negeri.

Kerana itu, mudah-mudahan Allah [illegible] akan mentaufikkan harapan dan jangkaan [illegible] dengan sikap serta usaha yang kita [illegible] lakukan ke arah aspirasi yang murni [illegible].

# Penuntut P.T.E. lawat Ukur



AWANG Momin bin Ibrahim, Juruteknik Ukur Kanan di Bahagian Penghitungan sedang menerangkan kepada pelawat-pelawat 'print out' yang dihasilkan oleh komputer terhadap pengiraan yang telah dibuat bagi kerja-kerja ukur tanah yang telah dilaksanakan.

KERJA-KERJA pengiraan yang telah dilaksanakan oleh seorang Juruteknik Ukur tersebut (gambar bawah) termasuklah melaras haluan-haluan, mengenakan pembetulan-pembetulan yang perlu bagi menentukan jarak-jarak tepat yang dikehendaki untuk pengiraan terakhir oleh komputer seperti yang terdapat dalam gambar ini.

BERAKAS. — Seramai kira-kira 40 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong baru-baru ini telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pejabat Ukur di Lapangan Terbang Lama di sini.

Sebelum penuntut-penuntut tersebut dibawa melawat ke beberapa unit di jabatan itu, mereka diberi penerangan mengenai pentadbiran dan tugas-tugas yang dikendalikan oleh jabatan itu yang di sampaikan oleh Juruukur Tanah Kanan, Awang Mohd Taib bin Haji Mohd Said.

Kemudiannya rombongan dibawa melawat ke Unit Peta Penerangan bagi memerhatikan cara-cara menyediakan job-job untuk ukuran. Seterusnya mereka juga ditunjukkan cara-cara menggunakan alat-alat ukur termasuk 'plane tabling'.

Lawatan kemudiannya diteruskan ke Bahagian Perhitungan bagi memerhatikan sistem komputer yang baru, iaitu pengiraan yang dibuat hasil dari kerja-kerja luar yang dilakukan oleh jabatan itu.

Di akhir lawatan mereka telah dibawa ke Bahagian Pelorekan dan Bahagian Pemetaan bagi memerhati cara-cara menyediakan geran-geran dan pelan-pelan tanah serta lembaran kadastra dan bagi memerhati proses membuat peta. —ZHS.



PENSYARAH dan [illegible] dari PTE (gambar [illegible]) mendengar penerangan [illegible] Zainuddin Haji Md [illegible] — [illegible] Unit Photogrammetry [illegible] butir-butir yang terdapat [illegible] bar udara yang sedang [illegible] mesin pemelot [illegible] mereka ialah meja [illegible] tersebut di mana hasil [illegible] dapat dilihat.



# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 7 hingga 11 Disember 1983

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 7.12.1983 | Rabu | [illegible] |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 7.12.1983 | Rabu | [illegible] |
| Sekolah Melayu Masin | 7.12.1983 | Rabu | [illegible] |
| Sekolah Melayu Jerudong | 10.12.1983 | Sabtu | [illegible] |
| Pusat Tahanan Jerudong | 10.12.1983 | Sabtu | [illegible] |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 10.12.1983 | Sabtu | [illegible] |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 10.12.1983 | Sabtu | [illegible] |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 10.12.1983 | Sabtu | [illegible] |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 10.12.1983 | Sabtu | [illegible] |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 11.12.1983 | Ahad | [illegible] |
| Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara | 11.12.1983 | Ahad | [illegible] |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 11.12.1983 | Ahad | [illegible] |

**Peringatan :** Sepanjang cuti persekolahan penggal ke-111, Perpustakaan Bergerak [illegible] Bahasa dan Pustaka, Brunei ditiadakan. Iaitu dari 11 Disember [illegible] Disember, 1983.

# TAKTIK "SERANG-TAHAN" DALAM USAHA BERSAMA IV

LATIHAN tentera "USAHA BERSAMA IV" ekoran dari latihan 'Mara Bersatu' bertujuan untuk menguji kecekapan dan keutuhan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei di saat-saat genting menghadapi ancaman perang.

Oleh: Muhaimin Hj. Mohamad
Gambar-gambar Oleh: Ak. Bahar Pg. Hj. Omar

Latihan ketenteraan amat perlu ditingkatkan dan dipergiatkan dari masa ke semasa terutama sekali dalam menjalani taktik perang menentang musuh di dalam hutan dengan menyusur pantai dan sungai.

Dengan itu, dapatlah nanti anggota-anggota tentera menimba pengalaman dan merasa akan suasana keadaan peperangan yang bakal mereka gunakan bagi mempertahankan negara ini.

Latihan tahunan 'Usaha Bersama IV' telah diadakan selama 11 hari pada November lepas, dalam dua peringkat. Peringkat pertama latihan tertumpu di kawasan Daerah Brunei dan Muara, manakala di peringkat kedua latihan diadakan di Daerah Belait, di mana kawasan Labi menjadi medan pertempuran. Seramai lebih 800 orang anggota tentera yang terdiri dari gabungan Pasukan AMDB dan Askar Singapura, sementara Askar Gurkha bertindak sebagai musuh.

### BATALION PERTAMA

Dalam latihan itu, Pasukan AMDB yang terdiri dari Batalion Pertama telah diutus sebagai pasukan barisan depan bagi memusnahkan dan mematahkan serangan-serangan musuh yang menceroboh masuk ke negara ini dengan melalui jalan sungai, pantai dan sempadan.

Batalion Pertama mengandungi beberapa bahagian unit seperti cawangan udara, skuadron kereta perisai, skuadron jurutera dan river division.

### PERINGKAT PERTAMA

Di peringkat ini latihan tersebut telah diadakan di kawasan Daerah Brunei dan Muara. Beberapa bahagian kompeni dari Batalion Pertama ditempatkan di beberapa bahagian kawasan strategi, iaitu 'A' Kompeni di sekitar Muara, 'C' Kompeni di Berakas Kem, Kg. Gadong hingga ke Kg. Sengkurong, dan askar berjalan kaki Singapura bergerak untuk mengawal perairan Teluk Brunei. Manakala beberapa platoon Askar diarahkan untuk mengesan jejak langkah pihak musuh.

### GERAKAN MUSUH

Satu kompeni pasukan Askar Gurkha seramai lebih 100 orang yang berlagak sebagai pihak pengganas membuat gerakan di sekitar Kampung Jerudong, Jalan Muara dan Jalan Tutong.

Pihak musuh sering melakukan serang hendap dengan cara menggunakan 'guerilla attack' yang kadang-kadang menyebabkan pertahanan pihak lawan 'gegaran'.

Sesekali pihak musuh mengubah strategi serangan dengan menyusur pantai dan sungai. Beberapa buah pulau di perairan Sungai Brunei menjadi tempat perlindungan dan persembunyian pengganas-pengganas tersebut.

Dengan serangan yang begitu hebat oleh Askar Kerajaan, pihak musuh tidak dapat bertahan lama di tempat persembunyian mereka lalu berundur ke Kg. Batu Marang. Askar kerajaan telah dapat mengesan jejak mereka lalu mengepung Kg. Batu Marang yang menyebabkan banyak askar-askar musuh tertangkap.

### PERINGKAT KEDUA

Setelah pihak musuh menerima kekalahan teruk lalu mereka berundur ke Daerah Belait. Tujuannya di samping mengukuhkan kedudukannya, pihak musuh berazam untuk mengadakan serang balas ke atas askar kerajaan dengan menyerang melalui sempadan dan kawasan Rempayuh.

Dalam latihan di peringkat kedua, Cawangan Udara AMDB memainkan peranan penting di bidang pengangkutan, meninjau gerakan musuh, dan menembak dari udara dengan menggunakan roket dan mesin gan yang bertujuan semata-mata untuk 'menggagar' pergerakan musuh.

Sementara itu, unit river skuadron meronda kawasan perairan dan skuadron kereta perisai peninjau sebagai frontline menjaga sempadan serta menahan kemaraan musuh.

### BERTAHAN

Untuk menahan kemaraan tentera pengganas sehingga jangan sampai menghampiri ibu negara, Batalion Pertama menggunakan taktik 'bertahan' di kawasan Kg. Bukit Puan dan Kg. Sungai Mau, manakala askar Singapura mengawal jambatan Rempayuh dan Bukit Puan daripada dimusnahkan oleh pihak musuh.

Bagi mengukuhkan benteng pertahanan di sekitar Bukit Puan, Batalion Pertama membuat kubu-kubu tempat bertahan, memasang halangan dawai berduri di kawasan bertahan dan mengadakan sekatan-sekatan jalan raya.

Dengan adanya kekuatan benteng pertahanan Batalion Pertama dan tentera sahabat askar Singapura, sekalipun pihak musuh melancarkan serangan bertalu-talu sama ada dari udara, sungai dan darat, namun pihak pengganas tidak dapat menembusi benteng tersebut. Akhirnya pihak musuh berundur dari bertahan di Kg. Tapang Lupak, Kg. Bukit Serawang dan Kg. Bukit Sawat.

Setelah diketahui pihak musuh berlindung dan bertahan di kawasan tersebut, Batalion Pertama dan Askar Singapura melancarkan serangan mengejut dari udara dengan menggunakan pesawat-pesawat helikopter dengan melepaskan serangan roket dan mesin gan ke atas pihak pengganas. Ini dibantu dengan kemaraan kereta-kereta perisai dan askar berjalan kaki Singapura ke tempat itu, yang mana akhirnya kedudukan pihak musuh dapat ditawan dan dimusnahkan.



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan keluar berangkat dari salah sebuah kubu bertahan yang digunakan dalam latihan itu.



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan ketika diperkenalkan oleh Pegawai Pemerintah Batalion Pertama kepada beberapa orang pegawai AMDB dan askar Singapura yang mengetuai kompeni masing-masing dalam latihan itu.



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan berbual mesra dengan Pegawai-pegawai Kanan AMDB dalam perjalanan untuk melawat beberapa buah kawasan pertahanan Batalion Pertama.



DUA buah pesawat helikopter dari Cawangan Udara AMDB dengan cepat menurunkan seramai 25 orang askar Singapura di atas jambatan Bukit Puan bagi mengawal jambatan itu dari dimusnahkan oleh musuh, iaitu sebahagian dari latihan tersebut.

## Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri (8)

Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri (8)

Disusun oleh :
Kamisah Haji Rahmat, Pegawai Bahasa,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Soalan 9 : Kenapa ejaan 'class' daripada bahasa Inggeris menjadi 'kelas' dalam bahasa Melayu; sedangkan 'block' dieja 'blok' tanpa penggunaan e pepet selepas konsonan b.

Jawapan : Ejaan 'kelas' telah kerap digunakan dan disesuaikan mengikut tatabahasa Melayu. Pada masa dahulu, tidak ada konsonan rangkap digunakan dalam bahasa Melayu bagi mengeja sesuatu perkataan Inggeris, oleh itu telah menjadi kelaziman pada masa itu bagi membubuh e pepet di tengah-tengah kedua konsonan itu supaya orang Melayu dapat menyebutnya k e - l a s.

Ejaan 'blok' dikecualikan daripada pembubuhan e pepet supaya tidak terkeliru dengan perkataan Melayu 'belok', iaitu b-e taling-l-o-k.

Contoh ayat: Ia membelok ke kiri sebaik sahaja sampai di blok itu.

Dalam ejaan lama, memang tiada perbezaan b-e-l-o-k untuk 'belok' dan b-e-l-o-k jugalah untuk 'blok.

Jawapan Soalan Latihan 3

Planet adalah lembaga yang amat besar, yang bentuknya hampir bulat seperti bumi, yang mengelilingi matahari dalam lingkaran yang bulat. Arah gerak mengelilingi matahari adalah sama untuk semua planet. Ada sembilan planet yang besar iaitu Utarid, Zuhrah, Bumi, Marikh, Musytari, Zuhal, Uranus, Neptun, dan Pluto, dan ada kira-kira 100,000 planet kecil. Kebanyakan daripada planet kecil ini terdapat antara lingkaran Marikh dan Musytari. Yang paling bercahaya di antara planet-planet kecil ini adalah Ceres, Pallas dan Vesta, yang dapat dilihat dengan mata kasar.

Jarak antara satu planet dengan bumi atau matahari diukur dengan unit astronomi. Satu unit astronomi itu sama dengan jarak antara bumi dengan matahari yakni 93 juta batu.

# Sistem komputer untuk pendaftaran di Daerah Brunei

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Brunei dan Muara akan menggunakan komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuanpunya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian, nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

| EDR NO. | LOT NO. | NAMA | LETAK TANAH |
|---|---|---|---|
| 2949 | 3075 | Munap bin Jamaludin | Buang Tawar. |
| 2952 | 3096 | Rasid bin Metusin | Lupak Luas, Lumapas. |
| 2962 | 3072 | Badar bin Pangis | Sungai Nipah. |
| 2966 | 3071 | Moksin bin Edin | Lumapas. |
| 2967 | 3210 | Sia Chue Gong | Kilanas. |
| 2968 | 3132 | Alim bin Pakar | Gadong. |
| 2970 | 3078 | Lidin bin Mumin | Buang Kartong. |
| 2972 | 3139 | Awg. Tuah bin Ahmad @ Ahmed | Gadong Batu. |
| 2980 | 3209 | Fahinah binti Abdullah @ Lim En Len | Kilanas. |
| 2981 | 3104 | Mat Zahir bin Mat Serudin | Karang Berbunga. |
| 2981 | 3104 | Awang Amit bin Mat Serudin | Karang Berbunga. |
| 2987 | 3133 | Serail bin Duraman | Rimba, Gadong. |
| 2989 | 3068 | Gapor bin Raman | Sungai Assam, Lumapas. |
| 2991 | 3131 | Meralli bin Bakir | Gadong. |
| 2991 | 3131 | Latiff bin Serail | Gadong. |
| 2991 | 3131 | Karim bin Hassan | Gadong. |
| 2991 | 3131 | Ostam bin Jamal | Gadong. |
| 3002 | 3099 | Sirat bin Salleh | Pulau Baru-Baru. |
| 3024 | 3117 | Nipah binti Gahap | Kilanas. |
| 3031 | 3141 | Lim Oh Than | Batong. |
| 3034 | 3100 | Norsiah binti Serudin | Kasat. |
| 3034 | 3100 | Abdullah bin Serudin | Kasat. |
| 3034 | 3100 | Tishah binti Serudin | Kasat. |
| 3037 | 3146 | Jamudin bin Tunjol | Panchor Murai. |
| 3039 | 3165 | Dayang Takong binti Khatib Mohsin | Bukit Lumbi. |
| 3097 | 3219 | Dayang Minah binti Muhammad Daud | Sungai Assam, Lumapas. |
| 3127 | 3267 | Chan Peng Hock | Kiulap. |
| 3135 | 3278 | Haji Mohamad Salleh bin Awang Taha | Pulau Baru-Baru. |
| 3153 | 3291 | Amin bin Hassan | Gadong, Menglait. |
| 3153 | 3291 | Hashim bin Lamit | Gadong, Menglait. |
| 3153 | 3291 | Karim bin Lamit | Gadong, Menglait. |
| 3153 | 3291 | Rajab bin Metassan | Gadong, Menglait. |
| 3153 | 3291 | Norsiah binte Lamit | Gadong, Menglait. |
| 3153 | 3291 | Tuah binti Kulla | Gadong, Menglait. |
| 3153 | 3291 | Durahim bin Puasa | Gadong, Menglait. |
| 3153 | 3291 | Bulan binti Jeludin | Gadong, Menglait. |
| 3160 | 3297 | Serudin bin Raup | Gadong, Menglait. |
| 3160 | 3297 | Tuah bin Bungkul | Gadong, Menglait. |
| 3160 | 3297 | Ahim bin Daud | Gadong, Menglait. |
| 3160 | 3297 | Sawal bin Jaman | Gadong, Menglait. |
| 3167 | 3302 | Mat Serudin bin Mat Yassin | Gulang-Gulang. |
| 3169 | 3298 | Jumat bin Gapar | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Ongsang bin Besar | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Nayan bin Jaman | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Bahar bin Tassan | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Haji Amir bin Bakir | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Merali bin Jumat | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Jafar bin Bandari | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Alli bin Bandari | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Barah bin Osman | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Champing binti O.K. Haji Abdullah | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Rawa binti O.K. Haji Abdullah | Gadong. |
| 3169 | 3298 | Nipah binti O.K. Haji Abdullah | Gadong. |
| 3189 | 3332 | Nellie Wong | Tilong & Orok. |
| 3192 | 3329 | Aminah binti Daud | Simanchak. |
| 3210 | 3361 | Dayang Sapiah binte Ibrahim | Berakas. |
| 3225 | 3374 | Wong Nyuk Len | Jalan Muara. |
| 3234 | 3376 | Aminah binte Ajak | Buang Tawar. |
| 3235 | 3377 | Mohamed Yassin bin Matassan | Buang Tawar. |
| 3243 | 3342 | Pengiran Omar Alli bin Pg. Mat Salleh | Gadong Batu. |
| 3247 | 3346 | Haji Hamid bin Metussin | Gadong Batu. |
| 3249 | 3348 | Mat Yassin bin Kassim | Gadong Batu. |
| 3250 | 3349 | Abu Salim bin Mohamed Said | Gadong Batu. |
| 3251 | 3350 | Mat Yusuf bin Kadir | Gadong Batu. |
| 3253 | 3352 | Taha bin Tagap | Gadong Batu. |
| 3256 | 3355 | Awang Tengah bin Masu | Gadong. |
| 3256 | 3355 | Dayang Limah binte Masu | Gadong Batu. |
| 3256 | 3355 | Dayang Kasum binti Mohamed Salleh | Gadong Batu. |
| 3270 | 3407 | Haji Bakar bin Rabaha | Peminuman, Lumapas. |
| 3270 | 3407 | Jijah binte Haji Safar | Peminuman, Lumapas. |
| 3281 | 3416 | Mohamed Husaini bin Abang Karim | Sengkurong. |
| 3281 | 3416 | Mas Mulia binti Abang Karim | Sengkurong. |
| 3281 | 3416 | Mas Badariah binti Abang Karim | Sengkurong. |
| 3290 | 3421 | Nipah binti Durahman | Kasat Kalamasi. |
| 3296 | 3427 | Brahim bin Salam | Kasat Kalamasi. |
| 3306 | 3437 | Awang Damit bin Abu Bakar | Gulang-Gulang, Limau Manis. |
| 3312 | 3441 | Ibrahim bin Othman | Gulang-Gulang, Limau Manis. |
| 3312 | 3441 | Omarali bin Haji Md. Yassin | Gulang-Gulang, Limau Manis. |
| 3312 | 3441 | Omar bin Haji Yusop | Gulang-Gulang, Limau Manis. |
| 3315 | 3446 | Usnah binti Haji Munap | Tanjong Pisang, Kasat. |
| 3318 | 3451 | Raihan bin Awang Mohamad | Sengkurong. |
| 3322 | 3473 | Haji Brahim bin Budin | Sengkurong. |
| 3339 | 3473 | Norsiah binti Serudin | Tanjong Pisang, Kasat. |
| 3344 | 3479 | Raisah binti Mohamad | Kasat Kalamasi. |
| 3349 | 3502 | Jarudin bin Hashim | Maribong. |
| 3351 | 3504 | Bani binte Daud | Maribong. |
| 3352 | 3505 | Mat Salleh bin Ajak | Maribong. |
| 3352 | 3505 | Mat Serudin bin Osman | Maribong. |
| 3352 | 3505 | Awang Duah bin Jamadil | Maribong. |
| 3372 | 3536 | Dayang Nooraini binti Md. Hussin | Tanjong Nangka. |
| 3393 | 3518 | Imam Rajudin bin Mudim | Paya Sipusu. |
| 3399 | 3524 | Nasir bin Tujoh | Paya Sipusu. |
| 3401 | 3526 | Besar bin Amat | Paya Sipusu. |
| 3402 | 3578 | Jamudin bin Tamin | Menunggol. |
| 3403 | 3579 | Muamat bin Miramit | Pulau Berambang. |
| 3422 | 3570 | Lee Loh | Pulau Berbunot. |
| 3485 | 3744 | Awang Chuchu bin Metassan | Gulang-Gulang. |
| 3527 | 3660 | Koo Cheong Gee | Tanjong Nangka. |
| 3554 | 3750 | Halijah binti Mohamed Salleh | Bukit Belingkok. |
| 3570 | 3645 | Jumat bin Haji Tasat | Tanjong Pisang, Kasat. |
| 3571 | 3646 | Muhammad Yusof bin Tengah | Tajong Pisang, Kasat. |
| 3572 | 3647 | Pengiran Besar bin Pg Haji Apong | Tajong Pisang, Kasat. |
| 3573 | 3648 | Awang Chuchu bin Awang Yacob | Tanjong Pisang, Kasat. |
| 3577 | 3690 | Kasah bin Donglah | Tanjong Pisang, Kasat. |
| 3581 | 3694 | Haji Yaakob bin Haji Tengah | Kasat. |
| 3583 | 3730 | Lim Boon Thian | Gulang-Gulang, Berambang. |
| 3587 | 3739 | Karim bin Othman | Kupang. |
| 3589 | 3741 | Kifli bin Junit | Takuning. |
| 3589 | 3741 | Hanipah bin Junit | Takuning. |
| 3590 | 3742 | Abdul Latif bin Awang Chuchu | Kasat. |
| 3591 | 3743 | Matussin bin Murah | Kasat. |
| 3595 | 3782 | Abd. Latif bin Haji Tudin | Kasat. |
| 3632 | 3620 | Angsa binte Kasah @ Norsah | Orok. |
| 3632 | 3620 | Ahad bin Kasah | Orok. |
| 3644 | 3813 | Chan Hiang Heng | Agung, Sengkurong. |
| 3648 | 3815 | Tan Boon Heng | Manggis. |
| 3662 | 3876 | Hakim bin Haji Zaman | Tanjong Pisang. |
| 3662 | 3876 | Sabudin bin Mohamad | Tanjong Pisang. |
| 3662 | 3876 | Daini bin Osman | Tanjong Pisang. |
| 3662 | 3876 | Dollah bin Serudin | Tanjong Pisang. |
| 3662 | 3876 | Yahya bin Haji Tasat | Tanjong Pisang. |
| 3663 | 3877 | Aji bin Mudin | Kasat. |
| 3679 | 3936 | Amas binte Jambol | Sumbiling. |
| 3679 | 3936 | Dayang Intan binte Chuchu | Sumbiling. |
| 3679 | 3936 | Dayang Hajijah bte Awang Ahmad | Sumbiling. |
| 3679 | 3936 | Dayang Puteh binte Awang Ahmad | Sumbiling. |
| 3745 | 3990 | Ak. Abdullah bin Pengiran Mohamed | Bunot. |
| 3786 | 4031 | Noridah binte Abdul Razak | Bunot. |
| 3798 | 3719 | Bahar bin Metassan | Sungai Gadong, Menglait. |
| 3807 | 3855 | Pg. Sabtu bin Pg. Othman | Kilanas. |
| 3810 | 3830 | Matassan bin Gapor | Sengkurong. |
| 3815 | 3856 | Lee Ling Gee | Kilanas. |
| 3826 | 4043 | Mohamed Yasin bin Abdul Rahman | Pelambayan. |
| 3829 | 4046 | Chai Yew Kee | Bukit Salila. |
| 3830 | 4047 | A. Zulkiflly bin H. Omaralli | Sungai Lampai. |
| 3831 | 4048 | Roderick Yong Yin Fatt | T. Kuahael. |
| 3895 | 4084 | Haji Yaakub bin Haji Ahmad | Sungai Gadong, Menglait. |
| 3896 | 4085 | Hj. Johari bin Hj. Johan | Sengkurong. |
| 3906 | 4095 | Awg. Jalil bin Abdullah | Pulau Ambok. |
| 3908 | 4097 | Mohamed Hassan bin Metussin | Sungai Lampai. |
| 3909 | 4098 | Dayang Kalsom binte Che Mat | Pulau Ambok. |
| 3929 | 4118 | Ahmad bin Jumaat | Mata-Mata. |
| 3940 | 4129 | Fung Fock Choon | Jalan Muara. |
| 3944 | 4133 | Awangku Tengah bin Pengiran Ahmad | Sungai Tilong, Jalan Muara. |
| 3948 | 4137 | Abdul Latif bin A. Rahman | Sungai Hanching. |
| 3953 | 4142 | Baidah bte Mangsor | Tilong. |
| 3959 | 4148 | Dg. Siti Rokiah binte Tujoh | Kiarong. |
| 3960 | 4149 | Serudin bin Ahim | Kiarong. |
| 3962 | 4151 | Minah binte Lakup | Badok. |
| 3963 | 4152 | Berahim bin Munap | Kuahat. |
| 3968 | 4157 | Gapar bin Tusin | Badok. |
| 3971 | 4160 | Jamil bin Adi | Badok. |
| 3971 | 4160 | Jaudah binte Adi | Badok. |
| 3971 | 4160 | Masni binte Adi | Badok. |
| 3971 | 4160 | Ajiah binte Adi | Badok. |
| 3979 | 4168 | Awang Chuchu bin Awang Abdullah | Kumbang Pasang. |
| 3979 | 4168 | See Ching Siong | Kumbang Pasang. |
| 4001 | 4203 | Yeo Ann Liang | Sungai Hanching. |
| 4001 | 4203 | Yung Oun Dung @ Yong Awn Dong | Sungai Hanching. |
| 4004 | 4206 | Ahad bin Maidin | Tilong. |
| 4005 | 4207 | Goh Keng Guan | Bukit Panjang. |
| 4011 | 4212 | Wong Nyuk Len | Tilong. |
| 4012 | 4213 | Abdul Samad bin Haji Metussin | Orok. |
| 4014 | 4215 | Nasin bin Talip | Manggis. |
| 4038 | 4234 | Abdul Rahman bin Mudim Awang Bakar | Belimbing. |

Lihat Muka 6

KHUTBAH JUMAAT

# JALANKAN TUGAS MENGIKUT HUKUM ALLAH

**Jika kita selalu ingat akan Allah dan sedar akan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa kita insya-Allah kita akan menjadi manusia yang mulia. Kerana dengan cara itu kita akan jadi orang yang lekas-lekas menebus kesalahannya dengan taubat.**

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua tegahan-Nya.

Tugas kita manusia ada bermacam-macam, sesuai dengan kebolehan dan keadaan masing-masing. Ada yang menjadi buruh, ada yang menjadi pegawai, ada yang menjadi petani, ada yang menjadi peniaga, ada yang menjadi nelayan, ada yang menjadi serba macam tukang, ada yang menjadi guru, ada yang menjadi ahli sains, ahli ekonomi dan pendeknya bermacam-macam lagi. Bila disebut tugas, bermakna ia hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab.

**MENGIKUT HUKUM**

Sebagai orang Islam, apa pun jenis tugas kita, wajiblah mengikut hukum dan peraturan-peraturan Allah. Kita tidak boleh lari dari ketentuan ini. Jika kita lari bermakna kita tidak taat yakni menderhakai Allah. Orang-orang yang derhaka sudah disebut oleh Al-Quran sebagai umat-umat di zaman Nabi Allah Musa, Nabi Allah Nuh, Nabi Allah Hud, Nabi Allah Salleh dan lain-lain. Punca kederhakaan mereka itu ialah sombong setelah Allah memberi kepada mereka nikmat dan kesenangan. Mereka lupa daratan, dan dengan itu pula mereka lupa tanggungjawab mereka terhadap amanah Allah yang menjadikan mereka khalifah di muka bumi ini, iaitu untuk mentadbir kehidupan ini dengan betul mengikut jalan-jalan yang diredai oleh Allah.

Tidak payah kita sebut berulang-ulang kali tentang hukum-hukum Allah terhadap umat-umat yang derhaka itu. Kita semua tentu sudah maklum. Yang penting sekarang, jadikan diri kita dari umat yang sedar, bahawa taat setia itu akan dibalas oleh Allah dengan ganjaran yang indah pada sisi-Nya. Marilah kita semua bercita-cita dan berharap-harap akan nikmat dan rahmat Allah dengan cara jangan melanggar larangan-larangan-Nya dan patuhi suruhan-suruhan-Nya. Inilah jalan yang amat selamat bagi kita.

**INGAT AKAN ALLAH**

Kita jangan lupa kepada Allah, ingat pertolongan-Nya, ingat akan kurnia-Nya, akan kasih sayang-Nya. Jangan sia-siakan nikmat Allah. Manusia memang selalu menzalimi dirinya sendiri, selalu menghampiri jurang neraka jahanam dengan perbuatannya. Jika ia selalu ingat akan Allah, dan sedar akan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa kita maka insya-Allah kita akan menjadi manusia yang mulia. Kerana dengan cara itu kita akan jadi orang yang lekas-lekas menebus kesalahannya dengan taubat. Ya! pohonkanlah taubat dan keredaan Allah, kerana taubat itu menjadi sumber rahmat. Jika Allah terima taubat kita, bermakna kita akan menjadi bersih dan diberi tempat selamat di akhirat, sebagaimana firman Allah dalam Surah At-Tahrim ayat 8 yang tafsirnya lebih kurang:

*"Wahai mereka yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya. Mudah-mudahan Allah mengampunkan dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir sungai di bawahnya."*

# HIDUP BERJIRAN

Oleh: Azadah Hj. Awg. Besar

***Bingkisan minggu ini***

BIASANYA di dunia ini kita hidup berjiran tetangga. Dan dalam hidup bersama jiran tetangga ini kita haruslah saling mengerti dan mesti faham memahami yang kita bertetangga itu saling memerlukan dan diperlui. Jelasnya ada ketikanya tetangga kita memerlukan pertolongan atau khidmat kita dan begitulah juga sebaliknya. Untuk mencapai semua ini dengan lebih baik dan mudah, kita mestilah sentiasa menjalani kehidupan berbaik-baik setiap masa dan ketika dengan jiran tetangga kita itu. Kenyataan ini disokong lagi oleh hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang kira-kira maksudnya:

"Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka muliakanlah tetamunya. Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhiratnya maka berbuat baiklah dengan tetangga. Dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendaklah berkata baik atau berdiamlah."

Kenyataan yang dijelaskan oleh hadis Nabi s.a.w. ini amat memberatkan soal berbuat baik kepada tetangga itu, hingga soal ini dikaitkan pula dengan soal iman kepada Allah dan hari akhir. Jadi kita sebagai manusia dan khususnya umat Nabi s.a.w. hendaklah mengambil perhatian yang berat dari anjuran Baginda itu mudah-mudahan nanti dengan pengelingaan kita terhadap anjuran Baginda itu kita tergolong kepada orang-orang Mukmin yang taat serta menurut ajaran Baginda menerusi perintah Allah s.w.t.

Jadi, untuk itu kita hendaklah sentiasa ingat akan tanggungjawab kita kepada tetangga seperti yang disebutkan tadi. Dan jauhkanlah sama sekali diri kita daripada bermusuh dengan tetangga atau menyakitinya, kerana perbuatan seperti ini amat jelas pertentangannya dengan maksud hadis tadi. Dan untuk penjelasan lanjut tentang masalah ini Nabi s.a.w. bersabda lagi melalui hadisnya yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dan Ahmad yang maksudnya kira-kira:

"Demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman, demi Allah tidak beriman."

Ditanya oleh seorang: "Siapa Wahai Rasulullah?".

Beliau bersabda: "Orang yang tetangganya tidak aman dari bencana-bencananya."

Di sini jelas betapa besar dosanya perbuatan menyakiti tetangga itu hingga Nabi s.a.w. sendiri menilaikan orang seperti ini tidak beriman.

# Pemuda Cina memeluk Islam

KUALA BELAIT. — Satu majlis pengislaman bagi seorang pemuda bangsa Cina, Awang Han Jui Kwang, 34 tahun telah dilangsungkan di rumah Awang Payak bin Chuchu, 171 'A', Rumah B.S.P. Jalan Nakhoda Ragam, di sini baru-baru ini.

Awang Han Jui Kwang telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Mohammad bin Mamit, seorang Pegawai daripada Bahagian Dakwah dan Tabligh, Daerah Belait. Awang Han Jui Kwang kini dikenali sebagai Awang Mohd. Reduan bin Abdullah.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh beberapa orang Pegawai Ugama dari Pejabat Ugama, Daerah Belait dan Pegawai-Pegawai Kerajaan yang lain. Untuk menyerikan lagi majlis tersebut Zikir Marhaban telah dipersembahkan oleh Kumpulan Zikir dari Seria di bawah pimpinan Awang Buang bin Saidi.

**KLINIK KESIHATAN IBU-IBU DAN KANAK-KANAK**

Klinik kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak Bandar Seri Begawan telah berpindah ke Asrama Jururawat Lama. Pintu masuk ke klinik tersebut akan melalui dari Jalan Sumbiling.

## Derma mangsa kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN — Seorang mangsa kebakaran di Kampung Saba Darat 'A' Awang Bakir bin Jamaluddin, telah menerima sumbangan derma sejumlah $1,448.00 pada minggu lalu.

Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli Persatuan PERKASA serta penduduk-penduduk di sekitarnya dan telah disampaikan oleh Penasihat Persatuan tersebut, Awang Haji Abd. Latif bin Mohammad dalam satu majlis di Dewan Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampung Saba.

## PEMBETULAN

JADUAL waktu sembahyang di muka surat 5 keluaran minggu lepas telah tersilap cetak bagi waktu-waktu sembahyang fardu Asar mulai dari 1 hingga 5 Disember, 1983.

Waktu-waktu itu sebenarnya ialah 3.34 bukan 4.43. Pengarang memohon maaf atas kesilapan tersebut.

## Pendaftaran masuk ke Taman Asuhan Pertiwi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Taman Asuhan Kanak-kanak PERTIWI kini mula menerima pendaftaran masuk bagi kanak-kanak untuk Tadika 1 tahun depan.

Satu kenyataan dikeluarkan oleh Taman tersebut berkata, pendaftaran masuk terbuka bagi kanak-kanak yang berumur antara satu setengah tahun hingga lima tahun.

Semua permohonan borang masuk dan keterangan lanjut bolehlah didapati terus ke bangunan Taman berkenaan di alamat P 16, Jalan Dato Mohd. Taib di sini atau melalui telefon 23084, atau hubungi terus Penyelia melalui telefon 61474.

Permohonan masuk akan diterima sehingga tarikh tutup pada 3 Januari, 1984.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7 Disember, 1983 hingga ke hari Selasa 13 Disember, 1983 adalah seperti di bawah ini : —

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Maghrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 8 Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 9 Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 10 Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 11 Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 12 Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 13 Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........

# PENGKEBUMIAN JENAZAH DAN KENDURI

## Siri ke-203



ALLAH Taala menyuruh kita umat Islam supaya mengikut ajaran ugama Islam. Rasulullah s.a.w. telah menerangkan hukum-hukum Islam, dan Ulama telah menyampaikan hukum-hukum itu kepada kita melalui dakwah dan kitab-kitab karangan mereka, maka kita hendaklah mengikut dan rujuk pada ajaran-ajaran dan arahan-arahan mereka supaya kita selamat dari derhaka dan terlepas dari bidaah serta kesesatan.

### SURUHAN DAN TEGAHAN SELEPAS PENGKEBUMIAN

Menurut kitab Sabilul Muhtaddin sebuah kitab berbahasa Melayu karangan Al-Allamat Al-Syekh Mohd Arsyad bin Abdullah Al-Banjari (Banjar, Kalimantan Selatan), yang ada pada tahun 1195 Hijrah.

1. Sunat ditinggikan kubur itu kira-kira sejengkal dari paras tanah, supaya dapat diketahui dan dikenal oleh orang akan adanya kubur itu, supaya diziarahi dan dihormati sesudah menanam mayat pada kubur itu.

2. Sunat menjiruskan air yang dingin dan sejuk yang suci atas kubur itu, setelah ditanam mayat itu di situ sekiranya tiada ada hujan ketika menanam mayat itu, supaya debu tanah itu tidak terbang ditiup angin, dan supaya tempat mayat itu menjadi dingin dengan kesejukan air itu.

3. Sunat semua orang berhenti di sisi kubur untuk seketika (bertafakur) bagi memohon agar si mati tetap menjawab soalan Malaikat dalam kubur, dan mohon keampunan bagi si mati dari Allah s.w.t.

4. Sunat dibaca Talqin ke atas mayat yang baligh, sekalipun mayat itu mati syahid setelah sempurna dikebumikan mayat itu.

5. Sunat menghamparkan batu-batu kerikil di atas kubur itu.

6. Sunat menghantar (menanam) pokok selasih, dan dilintangkan (menutupnya dengan) pelepah kurma yang masih hijau yang belum kering kerana sekalian pokok itu mengucap tasbih (seperti Subhanallah), maka mayat itu akan mendapat keringanan siksa dengan berkat tasbih pokok dan dahan-dahan yang masih basah itu.

7. Makruh menyapu kubur dengan bau-bauan dan menjirus dengan air mawar.

8. Sunat dihantarkan (meletakkan) batu besar atau kayu sebagai Nisan pada bahagian kepala mayat itu, dan kata Kaul (setengah pendapat) sunat diletakkan nisan pada pihak kakinya.

9. Sunat menanam mayat pada siang hari dan pada waktu-waktu lain selain dari waktu kaharah (yang dimakruhkan), dan harus menanam mayat pada malam hari dengan tiada makruh, tetapi jika takut mayat itu berubah maka wajib disegerakan.

10. Takziah selepas menanam mayat adalah lebih utama dari takziah sebelum menanam mayat kerana ahli si mati sibuk dengan perkara menguruskan kematian, kecuali jika mereka sangat dukacita dan ketiadaan sabar, maka takziah sebelum menanam mayat adalah lebih afdal dan utama.

11. Erti takziah itu ialah meminta keluarga yang kematian itu bersabar atas kematian tersebut, dan mengingatkan tentang janji pahala kerana sabar, dan menakutkannya dari dosa, akibat dari berkeluh-kesah kerana ketiadaan sabar, dan memohon doa kepada Allah Taala bagi mayat yang Islam dengan keampunan Allah, serta bagi yang kematian dengan balasan baik di atas kesusahan dan kesedihan itu.

12. Sunat memberikan takziah kerana berdukacita di atas kematian keluarga, sama ada suami, isteri, mertua, atau sahabat dan lainnya.

13. Makruh memberi takziah selepas tiga hari dari kematian seseorang jika kedua-dua pihak (yang memberi takziah dan yang menerima takziah itu hadir bersama semasa kematian, jika ghaib (tiada bersama) salah satu pihak, maka permulaan takziah adalah dikira dari masa datangnya atau ketika sampai khabar kematian kepadanya.

14. Ucapan takziah berbunyi "Moga-moga kiranya Allah Taala beri kamu (atau tuan atau saudara), dengan berganda-ganda pahala dan pangkat, dan dibanyakkan sabar kamu (atau tuan atau saudara) dan diampuni akan simati kamu (atau tuan atau saudara) itu.

15. Jawab bagi ucapan takziah: Moga-moga Allah Taala akan membalas baik di atas takziah kamu (atau tuan atau saudara) itu.

16. Harus dan boleh menangis ke atas si mati sama ada semasa matinya atau selepas matinya.

17. Haram meratap dan menyaringkan suara sambil menyebut sifat-sifat terpuji si mati seperti katanya : Hai! gunungku hai payungku".

18. Haram berkeluh-kesah dengan memukul-mukul dada, menampar-nampar pipi, mencarik-carik baju dan kain, mencabut rambut, mengubah pakaian dan kelakuan dan menanggalkan pakaian yang biasa dipakai.

Begitulah tersebut dalam Sabilul Muhtaddin kitab Figh berbahasa Melayu yang kita petik dan ringkaskan.

(Bersambung)

WALLAHUAKLAM

---

جابتن حال احوال اݢام بروني

BORANG PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDZU HAJI
TAHUN 19 /14
DAERAH ........................

BILANGAN PENDAFTARAN PUSAT
BILANGAN PENDAFTARAN DAERAH

[A] BUTIR-BUTIR PEMOHON

NAMA PENOH PEMOHON HURUF BESAR, SEPERTI DALAM KAD PENGENALAN DAN NAMA NENEK (LELAKI): AHMAD BIN UMAR BIN ABDUL GHAFOR

ALAMAT TETAP: NO 36 KAMPONG PEMANCHA LAMA BANDAR SERI BEGAWAN
TARIKH LAHIR: 12/10/1944
JANTINA (Tandakan X): [X] 1 LELAKI [ ] 2 PEREMPUAN
TEMPAT LAHIR: BRUNEI

NO. KAD PENGENALAN (K/P): 070802
WARNA K/P (Tandakan X): [X] 1 KUNING [ ] 2 UNGGU [ ] 3 HIJAU [ ] 4 LAIN-LAIN
WARGA NEGARA: BRUNEI
BANGSA: MELAYU

PEKERJAAN: KERANI
NAMA PEJABAT/NAMA MAJIKAN: JABATAN HAL EHWAL UGAMA BANDAR SERI BEGAWAN BRUNEI
NO. TELEFON PEJABAT: 22565 EX 121
NO. TELEFON RUMAH: 25288

NOMBOR PASPORT: 123456
TEMPAT DI KELUARKAN: BRUNEI
TARIKH DIKELUARKAN: 18/12/1975
TARIKH MANSOH: 18/12/1985

[B] NAMA SYEIKH (MUTAWWIF) MEKKAH: SYEIKH HAJI IBRAHIM BRUNEI
TEMPAT TINGGAL DI MEKKAH (TANDAKAN (X)): [X] 1 URUSAN SYEIKH [ ] 2 URUSAN SENDIRI
TEMPAT TINGGAL DI MADINAH (TANDAKAN (X)): [X] 1 URUSAN SYEIKH [ ] 2 URUSAN SENDIRI

[C] BUTIR-BUTIR MENGENAI SAUDARA MARA ATAU KAWAN YANG AKAN PERGI BERSAMA

| | NAMA | PERTALIAN | PENDAFTARAN BILANGAN HAJI (KEGUNAAN PEJABAT) | NO. K/P |
|---|---|---|---|---|
| 1. | RAFEAH BINTE HARUN | ISTERI | | 011259 |
| 2. | MOHD. FAIZAL BIN AHMAD | ANAK | | 024797 |
| 3. | HARUN BIN ABDUL RASHID | AYAH MERTUA | | 063578 |
| 4. | SITI HAWA BINTE ABDUL KARIM | IBU MERTUA | | 056633 |
| 5. | UMAR BIN ABDUL GHAFOR | AYAH | | 014507 |
| 6. | ROSNAH BINTE MOHD. KASSIM | IBU | | 033813 |
| 7. | ABDULLAH BIN HARUN | ABANG IPAR | | 064031 |
| 8. | | | | |
| 9. | | | | |
| 10. | | | | |

[D] BUTIR-BUTIR MENGENAI WARIS DI BRUNEI

NAMA (EJAAN SEPERTI DALAM KAD PENGENALAN): MOHD YUSSOF BIN UMAR
ALAMAT TETAP: NO 36 KAMPONG PEMANCHA LAMA BANDAR SERI BEGAWAN BRUNEI
PERTALIAN: ABANG
NO. KAD PENGENALAN: 022565 NO. TELEFON PEJABAT: 61335 NO. TELEFON RUMAH: 25288

GAMBAR

TANDA TANGAN/COP IBU JARI PEMOHON
(SILA TANDA TANGAN/COP KESEMUA SALINAN)

TARIKH 7HB. DISEMBER 1983

BAGI KEGUNAAN PEGAWAI SAHAJA

Tarikh Menerima: ........................ Jam: ............ pagi/petang. T/Tangan Penerima: ........................

Kenyataan Tabib: ..................................................

Contoh borang permohonan menunaikan fardu haji yang betul

## Permohonan menunaikan Fardu Haji

BANDAR SERI BEGAWAN — Borang-borang permohonan untuk menunaikan fardu haji bagi tahun 1984 kini boleh didapati dari Pejabat-pejabat Ugama di semua daerah. Bentuk borang permohonan tersebut telah diubah dari tahun-tahun yang sudah.

Oleh itu pihak yang berkenaan mengingatkan kepada pemohon-pemohon (bakal-bakal haji) supaya mengisi dengan cermat dan teliti sebelum mengembalikan borang-borang tersebut.

Walau bagaimanapun jabatan berkenaan belum mengumumkan bila tarikh pendaftaran akan bermula dan ianya akan diberitahu kemudian.

---

# Sistem Pendaftaran Tanah Daerah Brunei-Muara

Dari Muka 4

| EDR NO. | LOT NO. | NAMA | LETAK TANAH |
|---|---|---|---|
| 4042 | 4238 | Murat bin Tangkim | Belimbing. |
| 4043 | 4239 | Ak. Mohin bin Pg. Hj. Damit | Belimbing, Subok. |
| 4043 | 4239 | Dk. Masni binte Pg. Ali | Belimbing, Subok. |
| 4043 | 4239 | Dk. Dewi Sarhani binte Pg. Sarpudin | Belimbing, Subok. |
| 4043 | 4239 | Mohd. Alimin bin Wahab | Belimbing, Subok. |
| 4048 | 4244 | Sapar bin Ahmad | Belimbing, Subok. |
| 4049 | 4245 | Gambar bin Tangkim | Belimbing, Subok. |
| 4053 | 4249 | Sapar bin Mahal | Tanjong, Kuahat. |
| 4058 | 4254 | Dollah bin Merali | Kiarong. |
| 4062 | 4258 | Jelimah binte Ahmad | Kiarong. |
| 4064 | 4260 | Sheir binte Beruddin @ Sahir | Kiarong. |
| 4064 | 4260 | Tahir bin Beruddin @ Tayir | Kiarong. |
| 4064 | 4260 | Mohamed Yasin bin Beruddin | Kiarong. |
| 4064 | 4260 | Awang Mat Deli bin Beruddin | Kiarong. |
| 4064 | 4260 | Puasa bin Beruddin | Kiarong. |
| 4067 | 4263 | Mohd. Yassin bin Hj. Metassan | Tampoi, Sengkurong. |
| 4067 | 4263 | Dy. Hamidah bte Hj. Metassan | Tampoi, Sengkurong. |
| 4067 | 4263 | Masninah bte Hj. Metassan | Tampoi, Sengkurong. |
| 4067 | 4263 | Masnah bte Hj. Metassan | Tampoi, Sengkurong. |
| 4068 | 4264 | Ismail bin Haji Daud | Ranggo, Sengkurong. |
| 4089 | 4285 | Dayang Zainab binte Olak | Banton, Gadong. |
| 4091 | 4287 | Md. Yusoff bin Mat Serudin | Sengkurong. |
| 4100 | 4296 | Tallip bin Mawang | Katimahar. |
| 4103 | 4299 | A. Wahab bin Sulaiman | Paya Orok. |
| 4108 | 4304 | Buang bin Puasa | Tanjong Nangka. |

# RTB Intisari minggu ini

## Lagu-Lagu Patriotik Ke Udara

RADIO TELEVISYEN BRUNEI telah menerima sembilan buah lagu-lagu Patriotik hasil dari Peraduan Mencipta Lagu baru-baru ini yang dianjurkan oleh sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Hj. Othman, Pengarah Peneranganan Brunei.

Lagu-lagu itu telah dirakamkan di Studio Radio oleh Awang Zaini Mohd. Yusof dibantu oleh Pegawai-Pegawai Radio serta Juruteknik Radio dengan rakaman asal menggunakan stereo.

Lagu-lagu itu telah pun disiarkan ke udara selepas siaran berita Radio dan selepas siaran berita Televisyen.

Setakat ini hanya sebuah lagu saja baru dapat diusahakan untuk siaran Televisyen iaitu 'Brunei Bumi Bertuah' dalam keadaan yang masih belum lengkap kerana tidak sempat memasukkan senikata lagu.

Bagaimanapun, kesemua lagu-lagu yang akan disiarkan oleh Televisyen itu nanti akan dibubuh senikata dan akan terus dipancarkan setiap malam sebagai rancangan selingan sehingga awal tahun 1984.

Lagu-lagu yang akan dipancarkan ialah BERKIBARLAH BENDERA. Senikatanya ditulis oleh Ibrahim Hj. Muhammad, dibaharui oleh Haji Ibrahim Hj. Mohd. Said. Ciptaan asal oleh Hashim Abd. Wahab, susunan musik dan diubahsuai oleh Capt. Manaf Hj. Kamis.

SEMANGAT KEMERDEKAAN, senikata ditulis oleh Ak. Shafiuddin Pg. Bakar, dibaharui oleh Haji Abdul Mokti Hj. Mohd. Daud. Ciptaan asal oleh Sani Munggu, susunan musik dan diubahsuai oleh Capt. Manaf Hj. Kamis.

MAJULAH NEGARAKU, senikata ditulis oleh Morshidi Hj. Md. Salleh, dibaharui oleh Metussin Omar, ciptaan asal oleh Morshidi Hj. Md. Salleh, susunan musik dan diubahsuai oleh Capt. Manaf Haji Kamis.

1984, senikata ditulis oleh Ibrahim Hj. Muhammad, dibaharui oleh Metussin Omar, ciptaan asal oleh Zainal Othman, susunan musik dan diubahsuai oleh Capt. Manaf Haji Kamis.

BERDAULAT DAN MERDEKA, senikata ditulis oleh Awg. Md. Ali AHA Hanifah, dibaharui oleh Hj. Abd. Mokti Hj. Md. Daud, ciptaan asal oleh Pg. Yunus Pg. Hj. Ahmad, susunan musik dan diubahsuai oleh Capt. Manaf Haji Kamis.

BRUNEI MERDEKA, senikata ditulis oleh Haji Besar Sagap, digubah oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Aziz Juned, ciptaan asal oleh Suhaili Hj. Awg. Besar, susunan musik dan diubahsuai oleh Awang Mohd. Yusof.

BELIA-BELIA ISLAM, senikata ditulis oleh Pg. Julaihi Pg. Othman, digubah oleh Hj. Ibrahim Hj. Md. Said, ciptaan asal oleh Kassim Abu Bakar, susunan musik dan digubah oleh Senior Insp. Abd. Ghani Muhid.

PURIH PERKASA, senikata ditulis oleh Sumadi Sukaimi, digubah oleh YDM. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Aziz Juned, ciptaan asal oleh Pengiran Haji Petra Pengiran Anak Hashim, susunan musik dan dibaharui oleh Capt. Manaf Hj. Kamis.

MENTAATI DAN MENSYUKURI, senikata oleh Zaitunah Mohd. Alli, digubah oleh YDM. Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Aziz Juned, Ciptaan lagu oleh Hj. Mashud Haji Awang Damit, susunan musik oleh Capt. Manaf Hj. Kamis.

Selain dari lagu-lagu tersebut di atas, sebanyak sepuluh buah lagu dari penulis-penulis jemputan telah juga diterima.

BRUNEI MERDEKA, senikata ditulis oleh Shukry Zain, lagu ciptaan asal dan susunan musik oleh Idris Mohammad, diubahsuai oleh Capt. Manaf Hj. Kamis.

DAULAT DARUSSALAM, senikata ditulis oleh Badaruddin H.O; lagu ciptaan oleh Muhammad Hj. Mohd. Yassin, susunan musik oleh Suhaili Awang Hj. Besar, diubahsuai oleh Senior Insp. Abd. Ghani Muhid.

ADIL LAILA BAHAGIA, senikata ditulis oleh Badaruddin H.O.; lagu ciptaan dan susunan musik oleh Idris Mohammad.

TEKAD KEMERDEKAAN, senikata ditulis oleh H.M. Mashadi; Lagu ciptaan dan susunan musik oleh Capt. Manaf Haji Kamis.

BRUNEI BUMI BERTUAH, senikata ditulis oleh Awang Perkasa, Matus dan Firma. Lagu ciptaan dan susunan musik oleh Capt. Manaf Haji Kamis.

SEMANGAT BERSATU PADU, senikata ditulis oleh Pengiran Haji Metarshad Pg. Haji Metassan, digubah oleh YDM Pehin Udana Khatib Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Aziz Juned, lagu ciptaan asal oleh Kassim Abu Bakar, dibaharui oleh Suhaili Awg Haji Besar dan susunan musik oleh Awang Mohd Yusof.

Lagu-lagu Patriotik untuk siaran Televisyen diterbitkan oleh Haji Rahim Walli, Maidy Haji Sulaiman, Pg Tajuddin Pg Haji Tengah, Abdul Rahman Haji Salim, Pg Haji Shahbuddin Pg Haji Tengah ke semua mereka dari Bahagian Drama TV dan Haji Rahman Haji Naim dari Bahagian Hiburan TV.

Jawatankuasa Penyiaran dan Penerangan Menyambut Kemerdekaan Bahagian Lagu-Lagu Patriotik dan Nasyid: Ustaz Haji Badaruddin Pengarah Haji Othman, (Pengerusi Tertinggi Penyiaran dan Penerangan); Ustaz Haji Abdul Mokti Haji Md Daud, (Pengerusi Bahagian Lagu-Lagu Patriotik dan Nasyid); Haji Awg Damit Haji Kawang (Setiausaha); Capt Abdul Manaf bin Haji Kamis; Senior Insp. Abdul Ghani Muhid; Staff Sgt. Awang Idris bin Mohammad; Awang Mohammad bin Haji Mohd Yassin; Abdul Razak Haji Manggong; Haji Mashud bin Haji Awang Damit, Pengiran Hajjah Mariam bte Pg. Metali dan Dayang Asiah bte Pehin Khatib Haji Sirai.



"WHO's Killing The Great Chefs of Europe?" Mungkin tayangan gambar malam ini dapat memberikan jawapannya.

### Radio Minggu Ini:

## UNTUK RENUNGAN BERSAMA

SUDAH hampir suku jam pegawai yang bertanggungjawab menyusun acara siaran radio itu membalik-balik keping-keping kertas di mejanya seperti mana isi kepalanya juga membalik-balik acara-acara siaran itu. Sesekali dia menyubuk di luar tabok, dan mengeluh, kadang-kadang garu kepala. Dalam berfikir-fikir itu telefon berdering juga, ada minta rakaman, hari ibu bapa, taklimat, mesyuarat belia-belia, ada yang minta siaran 'live' terus-menerus, ada yang komplin juruhebah tak pandai pilih lagu, kad permintaannya tak disiar dan . . . dan . . . .

Ya! Begitulah. Terlalu banyak yang hendak dipertimbangkan oleh orang-orang radio dalam melayani kehendak hati dan kemahuan rasa para pendengar, kerana keinginan para pendengar itu sendiri berlaga antara satu sama lain. Lima pasang cuping telinga mempunyai lima rasa lubang telinga. Walaupun pening-pening lalat memikirkannya, namun kepala yang sering-sering pening itu terpaksa melayani kemahuan para pendengar kerana tidak ada pendengar apalah gunanya membangun stesen radio. Kerana itu komen dan kritik dari para pendengar mesti dipertimbangkan.

Dengarlah saja komen-komen ini; Aduh! . . . . Radio Brunei ini bikin mata tak dapat tidur. Sudah lewat jam sepuluh malam, orang-orang sudah baring-baring nak berehat, acaranya masih putar-putar lagu pop . . . . lagu gila jeritan-jeritan. Anak-anakku yang tadi berdengkur tidur kebangunan mendengar lagu-lagu yang lebih banyak bisingnya dari enaknya.

Di rumah sebelah seorang anak muda yang progresssive cukup pula dengan komennya; dengar itu radio! Putarkan irama-irama dingin macam orang mahu mati. Dalam zaman kemajuan ini kita perlukan sesuatu yang kencang, yang tegang, yang panas-panas supaya otot-otot turut segar membangun bangsa dan negara.

Tapi seorang ibu tua baru selesai menunaikan sembahyang maghrib di dapur mengurut pula.

Kurang asam itu orang radio, habis saja baca Quran lantas diputar lagu-lagu gila. Neraka! Jika diputar lagu-lagu Arab orang bilang Radio Brunei sudah 'relay' menyambung siaran Radio Mekah. Kita putarkan lagu-lagu permintaan pun banyak yang sugul dan merungut lantaran permintaannya belum jua disiarkan. Katanya lagu itu istimewa ditujukan kepada si jantung hati. Sampai si jantung hatinya itu sudah beranak satu dengan orang lain-suaminya, lagu permintaannya belum juga tersiar. Bagaimanalah orang radio akan menyiarkan semua kupon-kupon permintaan kerana untuk melayani semuanya itu terpaksa siaran ke udara 24 jam sehari. Tanpa rehat. Tanpa tidur. Itu pun barangkali belum cukup. terpaksa direncanakan siaran tambahan yang memakan belanja jutaan ringgit lagi, perbelanjaan yang cuma untuk menyiarkan lagu-lagu permintaan.

Seorang tokoh pidato komplin pula sebab ucapannya pendek sangat dimasukkan ke dalam rancangan. Katanya ucapan itu penting.

Seorang penulis tanahair komplin lagi, kenapa cerpennya, sandiwaranya tidak pernah disiarkan. Apanya yang kurang, apanya yang tak baik makanya hasil karya itu tidak pernah sekali jua disiarkan. Dan memberi ingatlah ia; jangan pandang bulu, jangan pilih kasih, yang ada 'favouritisim.' Tapi segala skrip yang tersiar itu bukan dari kekasih orang radio, bukan skrip dari orang-orang yang bisai bulunya. Cuma bisai cara penulisannya, bisai biji-butirnya dari yang tak disiarkan.

Dari komen dan kritik inilah orang-orang radio banyak dapat pelajaran untuk memperbaiki cara-cara siaran, kerana manusia ini pun bila tidak ditegur-tegur ia akan salah jalan sepanjang hidupnya kerana difikirkannya jalan salah itu adalah jalan yang benar. Tapi untuk mensesuaikan rasa semua lidah dengan hidangan sepiring rojak tentulah sukar sebab orang yang kena penyakit kepialu apa saja disorongkan ke lidahnya semuanya pahit sahaja dirasanya walaupun seketul gula batu.

Sesungguhnya kita sangat-sangat berterima kasih atas apa jua komen dari para pendengar walaupun sakit kepala memikirkannya, perkara sakit ini tidak kami fikirkan, kerana kalau dihitung penyakit padi, tak jadi orang berladang.



ADEGAN dari satu siri drama baru LITTLE GLORIA . . . HAPPY AT LAST, menggantikan drama Bare Essence Isnin depan kira-kira jam 11.10 malam.

### Sandiwara Radio:

## BENINGNYA MENTARI PAGI

Norhisam Mustafa

MENGISIKAN Sandiwara Radio Minggu Ini ialah seorang penulis dari Kelantan, Malaysia, Norhisham Mustafa dengan skripnya yang bertajuk BENINGNYA MENTARI PAGI.

Melalui Sandiwara ini, penulis memilih tema rasa peri kemanusiaan antara sesama insan. Watak Mastura yang walaupun pekerjaannya hanya sebagai seorang pembantu rumah, adalah seorang yang memiliki hati dan budi yang luhur. Perawakannya ini jelas dapat dilihat bila ia bertindak memberikan bantuan pada ibu Shamsul yang di satu hari dengan tiba-tiba jatuh pengsan di kawasan pasar.

Sejak kejadian itulah Mastura mula berkenalan dengan Shamsul, dan mulai rapat dengan mereka dua beranak. Di rumah majikannya pula, Mastura menghadapi masalah yang lain. Ia merasa amat bertanggungjawab lebih-lebih lagi dengan majikannya Salmah yang sangat mengharapkan kehadirannya. Kerana penyakit lumpuh yang dialaminya, dan penjagaan yang perlu untuk anaknya Ayu, Mastura adalah dianggap sangat penting di rumah itu.

Shamsul yang sudah sekian lama tidak bergaul dengan wanita akibat pernah dikecewakan itu kini seolah-olah telah dibuka semula hatinya setelah bertemu Mastura. Sikapnya itu juga menimbulkan perasaan gembira pada ibunya. Bagi Mastura pula, yang menjadi masalah ialah perasaannya yang terikat pada keluarga Salmah, tambahan lagi bila Salmah mengemukakan sesuatu kepadanya yang berupa pengorbanan yang bukan sedikit nilainya.

Apakah sebenarnya pengorbanan yang dikehendakinya itu? Relakah Mastura melakukannya hanya semata-mata kerana kepentingan pihak majikannya? Bagaimana pula hubungannya dengan Shamsul? Ikutilah olahan Sandiwara yang menarik ini melalui siarannya pada 11 Disember, 1983, jam 10.30 pagi.

Terbitan rancangan ini diselenggarakan oleh Dayangku Maskupah binte Pengiran Tajuddin.

# YTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam lawat la...



PEKAN BANGAR. – YTM Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Kolonel Komandan Pasukan Askar Wanita pada pagi Khamis lepas telah berangkat menyaksikan 'Latihan Membiasakan Diri Dalam Hutan' bagi 24 orang rekrut wanita pengambilan kelima yang diadakan di kawasan Arur Bada kira-kira 12 batu dari sini.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia itu telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pegawai-pegawai kanan pasukan itu.

Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung ke khemah latihan dan diperkenalkan kepada rekrut-rekrut yang mengambil bahagian oleh Ketua Platoon, Leftenan Hartini bte Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd. Salleh selaku Pegawai Pelatih.

Kemudian Yang

Oleh:
Abd. Karim HAB
Gambar-gambar Oleh:
Ak. Abu Bakar PHO

Teramat Mulia diiringi menyaksikan pertunjukan cara-cara memberikan pertolongan cemas kepada anggota-anggota yang mengalami kecederaan dalam suatu operasi dalam hutan. Selain itu rekrut-rekrut itu juga telah mempertunjukkan pelbagai cara untuk memerangkap binatang yang terdapat di sekitar kawasan tersebut.

Yang Teramat Mulia juga berkesempatan menyaksikan rekrut-rekrut memancing ikan di pinggir sungai yang berhampiran dan ditunjukkan jenis buah-buahan yang terdapat di kawasan itu.

Keberangkatan Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam diiringi oleh Pemerintah Pasukan A.M.D.B. Brigedier Jeneral J.P.W. Friedberger; Timbalan Pemerintah A.M.D.B., Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Mohd. Daud dan Y.D.M Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah.

'Latihan Membiasakan Diri Dalam Hutan' merupakan salah satu program latihan bagi rekrut-rekrut pengambilan kelima dan telah berjalan selama tiga hari dua malam mulai 29 November lepas.



KELIHATAN Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam (gambar atas) sedang menerima penerangan berhubung dengan tempat tinggal rekrut-rekrut semasa dalam latihan itu dari Leftenan Hartini.

Y.T.M. Pengiran Isteri (gambar kanan) ketika menguji salah satu perangkap yang dipasang yang menjadi satu latihan kepada rekrut-rekrut tersebut.

Y.T.M. Pengiran Isteri (gambar bawah) sedang mendengar penjelasan mengenai salah satu dari jenis buah-buahan yang terdapat di kawasan latihan tersebut.









# tiRekrut Wanita





Y.T.M. Pengiran Isteri (gambar atas) sedang bertanya sesuatu kepada salah seorang rekrut wanita yang menjalani latihan.

REKRUT-REKRUT wanita ini (gambar kiri) tidak ketinggalan menunjukkan kecekapan mereka dalam memberikan pertolongan cemas kepada teman-teman mereka yang mengalami kecederaan.

SEJURUS sebelum berangkat pulang (gambar bawah), Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan rombongan telah dijunjung bagi menikmati jamuan ringan.





MEMANCING ikan di sungai berhampiran tempat latihan merupakan salah satu dari aktiviti dan kerja hiburan yang dilakukan dalam latihan itu.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 7 DISEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GIGGLESNORT HOTEL
5.30 SPIDERWOMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.13 AZAN MAGHRIB
6.23 DIFFERENT STROKES — sambungan
6.30 321 CONTACT

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE : "Steele Belted" Remington Steele merasa curiga dan cemburu) setelah melihat kelakuan seorang peguam yang lebih mirip kepada Laura dari mementingkan pelanggannya yang dituduh membunuh.
7.28 AZAN ISYAK
7.33 REMINGTON STEELE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 BERZANJI
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 PRIVATE BENJAMIN : "Judy's Army"
9.50 MAGNUM : "Mixed Double"
10.40 TAYANGAN GAMBAR : "Who's Killing The Great Chefs of Europe" Kisah-kisah pembunuhan ke atas beberapa orang tukang-tukang masak yang ternama di Eropah. Kematian mereka menimbulkan beberapa tanda tanya dan misteri di kota-kota besar Eropah. Pelakon-pelakon : George Segal, Jean Pierre Cassel, Jacqueline Bisset, Robert Morley, Phillippe Noiret, dan lain-lain.
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 8 DISEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 KIMBA THE WHITE LION : "Hunting Ground"
6.13 AZAN MAGHRIB
6.23 KIMBA THE WHITE LION : sambungan
6.30 WORLD OUTDOORS : "Cree Lake"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VOYAGERS : 'Jack's Back" (Episod terakhir) Dalam episod terakhir ini Bogg nyaris digantung dalam kurun ke-19 London kerana disangka Jack the Ripper.
7.28 AZAN ISYAK
7.33 VOYAGERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 BERZANJI
8.50 HIDAYAT
9.20 DUNIA MINGGU INI
9.50 TIMELESS LAND : "Smell of Rebellion" Apabila governor-governor Inggeris kian bertukar ganti keadaan gelisah di tanah jajahan itu kian bertambah. Golongan askar mencari kuasa untuk kepentingan sendiri. Ancaman memberontak juga terdapat di kalangan banduan-banduan. Sesudah dihantar ke Sydney, Conor merasa gembira kerana dapat bersama Mark yang telah pun berhenti kerja dengan Mannion.
10.40 CHICO AND THE MAN : "Ready When You Are C.B."
11.10 MCLAIN'S LAW : "To Save The Queen" Satu serangan pengganas membuat Elain dan Gates bertindak dengan cepat untuk menghindarkan satu pembunuhan yang mungkin membahyakan ribuan penonton di satu pesta nelayan San Pedro.
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 9 DISEMBER

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

PETANG

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.15 SPYFORCE : "The Trader"
3.00 THE INVINCIBLE IRON MAN
3.30 IN SEARCH OF : "Cryogenics" Benarkah "animasi ditangguhkan" (suspended animation) bukan hayalan sains lagi ? Bolehkah badan-badan manusia yang disejukkan mengikut darjah-darjah tertentu dapat dipelihara selama-lamanya ? Adakah kemungkinan mereka itu dapat dihidupkan semula ?
3.36 AZAN ASAR
3.39 IN SEARCH OF — sambungan
4.00 THE THUNDERBIRDS
4.25 GERAK SIHAT
4.55 THE ELECTRIC COMPANY
5.10 MANAGEMENT (Ulangan)
5.40 LAVERNE AND SHIRLEY WITH THE FONZ (Episod terakhri)
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.13 AZAN MAGHRIB
6.23 YOU ASKED FOR IT — sambungan
6.30 ON SAFARI

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS : "The Legacy of Miles Turner" Aaron Silverman ditugaskan dengan kes Charlie Turner atas dakwaan menyerang dengan senjata bahaya. Pendapat Aaron, Turner mempunyai pemikiran yang tidak stabil.
7.28 AZAN ISYAK
7.33 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 BERZANJI
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 DRAMA : Badai Di Hati Kami (Ulangan)
9.50 KNOTS LANDING : "To Have And To Hold"
10.40 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
11.25 SUGAR RAY LEONARDS GOLDEN GLOVES.
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 10 DISEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THUNDARR THE BARBARIAN : "Den of The Sleeping Demon"
6.13 AZAN MAGHRIB
6.23 THUNDARR THE BARBARIAN — sambungan
6.30 JUST KIDDING

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JOHN DENVER MUSIC AND THE MOUNTAIN
7.28 AZAN ISYAK
7.33 JOHN DENVER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 BERZANJI
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 KUIZ KESELAMATAN JALAN RAYA 1983 (B.S.B.)
10.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Apa Salahku "
11.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Deliver Us From Evil" Lima orang biasanya "amanah" menjadi tamak setelah merompak wang $600,000. Pelakon-pelakon : George Kennedy, Jan-Michael Vincent, Bradford Dillman, Jack Weston, Charles Aiduran dan lani-lain.
1.05 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 11 DISEMBER

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANGFACE : "To Toothy Shark Is No Lark"
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.39 AZAN ASAR
3.41 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 SMURF
4.30 DOK. AROUND THE WORLD WITH BRIAN ADAMS (Siri baru) Menjelajah mengelilingi dunia dengan Brian Adams. Dalam rancangan ini kita akan dapat meninjau bagaimana penduduk-penduduk beberapa buah negeri yang terpilih untuk siri rancangan ini menjalani kehidupankehidupan mereka.
5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS : "Heritage"
5.45 SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.16 AZAN MAGHRIB
6.26 SPIDERMAN — sambungan
6.30 ALICE : "Mother-In-Law" Bhg. I

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON : "Red Dog Blues" Kali ini A.J. dan Rick mendapati diri mereka bertentangan di Mahkamah dengan kawan baik mereka penolong D A — Janet Fowler. A. J. dan Rick telah diupah oleh seorang yang disyaki sebagai pembunuh oleh pihak pendakwa.
7.30 AZAN ISYAK
7.35 SIMON AND SIMON : — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 BERZANJI
9.00 MERLION CUP SOCCER : "Brunei lwn Singapura" (Siaran langsung)
10.45 FORUM
11.45 CASABLANCA : "Divorce, Casablanca Style" (Episod terakhir)
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 12 DISEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 POSTMAN PAT : "The Sheep In The Clover"
5.15 PANDAMONIUM : "Amanda Panda Story"
5.40 CHALLENGE OF THE SUPER-FRIENDS : "Trial of Superfriends"
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEPTUNE JOURNALS . "Man Who Talks To Whales" Bhg. I Kita mengikuti seorang lelaki dengan anak kemanakannya menyelam mencari seekor ikan paus bernama Gigi. Mereka dapat menjumpainya. Adakah perjumpaan itu secara kebetulan saha atau dengan kebolehan orang itu berhubung dengan ikan paus itu?
6.16 AZAN MAGHRIB
6.26 NEPTUNE JOURNALS — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. : "Getting To Know You"
7.30 AZAN ISYAK
7.35 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 BERZANJI
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 WRESTLING
10.20 THE WINDS OF WAR Bhg. 9
11.10 LITTLE GLORIA . . . HAPPY AT LAST Dari kisah benar mengenai pengasuhan (custody) yang dramatik di kurun ini. Pertelingkahan di antara salah seorang wanita yang terkaya di ... Gertrude Vanderbilt Whitney ... salah seorang wanita yang ... Colora Morgan Vanderbilt, ... Little Gloria, anak kepada Gloria Morgan.
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 13 DISEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SUB-MARINER
5.30 THE GARY COLEMAN SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 BID FOR POWER : "A Political Matter?"
6.16 AZAN MAGHRIB
6.26 BID FOR POWER : (sambungan)
6.30 DANCES OF THE WORLD (Episod terakhir)
6.40 CAMP WILDERNESS : "Swift Eagles Legend"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY : "The Further Adventure of Ozzie and Harold"
7.30 AZAN ISYAK
7.35 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 BERZANJI
8.50 ARENA SUKAN
9.50 DYNASTY : "The Downstairs Bride"
10.40 TAYANGAN GAMBAR : "Two of A Kind" Sekumpulan penjahat merancang untuk merompak harta sepasang suami isteri dengan seorang menyerupai muka anak mereka yang telah lama hilang. Pelakon-pelakon : Edmond O'Brien, Lizabeth Scott, Terry Moore, Alexander Scott, dan lain-lain.
12.10 SIARAN TAMAT.

## RANCANGAN TVP 12 — 17 DISEMBER 1983

### ISNIN — 12 DISEMBER

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 1018. Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, BELON SI MANIS, MINUM, MENGATUR GAMBAR, HALAMAN BELAJAR dan CERMIN SAKTI.

### SELASA — 13 DISEMBER

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 1019. Dalam rancangan hari ini Cikgu ... kiah dan anak-anak akan ... aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, GAMBAR DARI RUMAH, MINUM, BERSENAM, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

### RABU — 14 DISEMBER

PETANG

4.30 KAP KAP KAP UDANG 1020. Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, GAMBAR DARI RUMAH, MINUM, KATA SI MANIS, MAIN BAKUL, DI MANA TEMPATNYA dan CERMIN SAKTI.

### KHAMIS — 15 DISEMBER

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 1021. Dalam rancangan kali ini Cikgu ... kiah dan anak-anak akan ... aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, TUNJUK BENDA, MINUM, BELON SI MANIS, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

### SABTU — 17 DISEMBER

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 1022. Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERLAKON, MAIN MUZIK, MINUM, BOLA TUMBUK, MENGATUR GAMBAR, TEKA BUNYI dan CERMIN SAKTI.

# Rancangan-rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam |
| | Bingkisan Hari Ini |
| | Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita-berita |
| 8.00 pagi | dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 7 DISEMBER

PAGI: 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.00 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Eddy Ahmad.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.36 — Hiburan Petang, 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Seri (Sri) Duyung siri pertama), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Titian Budaya (SU), 9.00 — Menyusur Pedalaman, 9.30 — Purbawara/Citrawara.

### HARI KHAMIS 8 DISEMBER

PAGI: 8.30 — Pertanian (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00—Purbawara/Citrawara, (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.36—Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Balai Drama (SU), 4.45 — Untuk Awda, 5.45 — 5.45 — Lagu-Lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.30 — Lagu-lagu Asli.

### HARI JUMAAT 9 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran.

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.35 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 Hiburan Malam, 8.30—Pilihan Pendengar, 9.00 — Majalah Ugama (SU), 9.30 — Mari Berpantun (SU).

### HARI SABTU 10 DISEMBER

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Uda·a (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Untuk Adik-adik, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Pilihan Pendengar.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.35 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli (SU), 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Malam Minggu, 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

### HARI AHAD 11 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.00—Hiburan, 10.30—Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.35 — Titian Budaya, 3.45 — Majalah Sukan, 4.15 — Hiburan Petang Minggu, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30— Suara Perajurit, 9.00 — Hiburan/Puspasari (SU), 9.30 — Dibuang Sayang.

### HARI ISNIN 12 DISEMBER

PAGI: 8.30 — Menyusur Pedalaman, 9.00 — Wanita dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun, 3.15—Pilihan Juruhebah, 3.35 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Kitani, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zamannya, 5.15 — Untuk Awda, 5.35 — Kuliah Ugama (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Sains Dan Perusahaan, 9.00 — Lagu-lagu Keroncong, 9.30 — Kutujukan Lagu.

### HARI SELASA 13 DISEMBER

PAGI: 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.45—Rampaian London, 11.00 — Lagu-lagu Permintaan Kaum Wanita, 11.30 — Dari Lambaran Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Riang Ria.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 3.15 — Gema Silam, 3.35 — Usaha Jaya (SU), 4.00 — Gema Keroncong/Pusparama, 4.30 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Kitani (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanahair (SU); 9.30 — Bahas Sekolah-Sekolah.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

**Wednesday**

P.M.

8.00 Frank Muir Goes Into: Public School — 49.
8.30 Hello Tomorrow.
9.00 Popular Classics
9.30 Classics Half Hour — 6.

**Thursday**

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 Sixty-Minute Theatre: The Killing of Sister George by Frank Marcus.
9.30 Country Club — 70.

**Fridays/Holidays**

A.M.

11.00 Track and Field Athletics — "Jumping" — 6/8.
11.15 Light Music From The Netherlands — 679.
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 Cambridge Folk Festival. 1980 — 7/10.
12.45 My Music — 278/436.

P.M.

1.15 Book Club: The Lost Stradivarius — 6/10.
8.00 The World of Books.
8.30 Up The Belait River Without A Paddle
9.00 Perspective
9.30 A Date with . . . (repeat)

**Saturday**

P.M.

8.00 Melody Time.
8.30 Strictly Instrumental
8.45 Just A Minute — 285/287.
9.30 Top of The Pops — 992.

**Sunday**

A.M.

11,00 Our Views: A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh — prog. 28
11.30 Practical World
11.45 London This Week.
12.00 A Date with . . .

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 992. (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 National Science Quiz Finals: SOASC vs AAC (Upper Secondary).
8.30 Beautiful Music — 50/60.
8.45 BBC Science Magazine.
9.30 Drama: The Tragedy of Coriolanus by William Shakespeare (side 1).

**Monday**

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five-: "The Violent Sun".
8.45 PROFILE: George Harrison — Involvement with Indian music and a broken marriage prog. 2 (side 2 of 2).
9.30 A Play On Words — 24

**Tuesday**

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: "Status Quo" Side 2.

**Daily**

A.M.

6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's AM.
7.00 Local News, weather forecast, tide times and Brunei In History.
7.05 Brunei's AM (continued)
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.
12.30 News, followed by Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.

P.M.

9.15 News.
12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEMANDU TINGKAT KHAS

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU TINGKAT KHAS di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Tanggagaji**: E. 2-3 EB. 4 — $470-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen meman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(E/1855/76)
(Bil: 232/83)

## Sebagai Pemandu Kereta Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU KERETA TINGKAT II di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Tanggagaji**: F. 3-4 EB. 5— $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas III adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas**:

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya juga dikehendaki bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(E/1054/73)
(Bil : 231/1983).

## Pemandu Motosangkut / Mekanik

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU MOTOSANGKUT /MEKANIK di Jabatan Perikanan, Brunei.

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 3 tahun sebagai pemandu motosangkut.

b) Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan mengikuti buku-buku pedoman.

c) Berkebolehan membaiki kerosakan jentera motosangkut sehingga yang bertenaga 85 kuasa kuda dan calon-calon yang ditentukan akan dikehendaki untuk menjalani satu ujian yang akan diselenggarakan oleh Jabatan Laut.

d) Mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang 220 ela dengan cara bebas.

**Tugas-tugas**:

Calon calon yang berjaya akan dikehendaki memandu perahu-perahu berjentera dan bertanggungjawab dalam pemeliharaan harian ke atas perahu-perahu dan enjin-enjin tersebut. Calon itu juga akan dikehendaki memperbaiki enjin-enjin dan mestilah bersedia menjalankan tugas di luar waktu-waktu bekerja.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

(E/246/79)
(Bil : 211/1983).

## JUALAN BARANG-BARANG YANG SUDAH TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI SECARA TAWARAN

**LOT 86**

1. SILA hadapkan tawaran awda bagi mendapatkan barang-barang yang sudah tidak boleh digunakan lagi seperti ditunjukkan di bawah.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada Pemerintah Pasukan AMDB dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Balai Pengawal, Perkhemahan Berakas tidak lewat pada hari Jumaat 16 Disember 1983 jam 1100 pagi.

3. Tawaran-tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan itu akan ditolak.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup dan mestilah tidak ada menunjukkan tanda nama pemohon pada sampul tersebut.

5. Semua sampul mestilah dibubuh Lot 86.

6. Barang-barang tersebut bolehlah diperiksa di RSSD Logistik Depot Perkhemahan Bolkiah sehingga hari Khamis 15 Disember 1983 jam 10.00 petang.

7. Semua barang adalah ditawarkan "sebagai berlonggok" dan mestilah dipindahkan oleh penawar-penawar yang berjaya dalam tempoh 14 hari dari pemberitahuan.

| Bil. Siri | Penerangan | Banyak |
|---|---|---|
| 1. | Bateri 12 volt, 24 & 6 volt | 399 |
| 2. | Tayar 750 x 16 | 339 |
| 3. | ,, 1200 x 20 | 163 |
| 4. | ,, 700 x 14 | 39 |
| 5. | ,, 185/175 x 14 | 21 |
| 6. | ,, 825 x 20 | 29 |
| 7. | ,, 825 x 16 | 28 |
| 8. | ,, 825 x 17 | 3 |
| 9. | ,, 600 x 16 | 2 |
| 10. | ,, 900 x 20 | 17 |
| 11. | ,, 875 x 14 | 4 |
| 12. | ,, 900 x 16 | 41 |
| 13. | ,, 124/11—28 | 4 |
| 14. | ,, 900 x 16 serta rim | 1 |
| 15. | ,, 205 x 14 | 10 |
| 16. | Tiub Dalam | 228 |

## JUALAN KENDERAAN YANG SUDAH TIDAK DIPAKAI LAGI SECARA TAWARAN

**LOT 87**

1. TAWARAN akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat-Pejabat Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat 12.00 pagi 19 Disember 1983 bagi kenderaan yang sudah tidak dipakai lagi yang disebutkan di bawah ini.

2. Tawaran-tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan itu akan ditolak.

3. Kenderaan-kenderaan bolelah dilihat di Kawasan RSSD Logistik Depot, Perkhemahan Bolkiah sehingga 16 Disember, 1983 jam 1100 pagi.

4. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa dan mestilah tidak ada tanda menunjukkan nama pemohon pada sampul tersebut.

5. Sampul-sampul mestilah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat-Pejabat Kerajaan, Brunei Seri Begawan dan mestilah dibubuh nombor Lot (Lot 87 AMDB) dengan jelas disebelah atas sampul surat.

6. Mana-mana tawaran yang diterima di dalam sampul tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

7. Kenderaan-kenderaan adalah ditawarkan "sebagai berlonggok" dan mestilah dipindahkan dari tempat yang ada sekarang oleh penawar yang berjaya dalam tempoh 14 hari dari pemberitahuan.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran.

| Bil. Siri | Penerangan | Banyak |
|---|---|---|
| 1. | Bas Besar (tanpa enjin) | 2 |
| 2. | Bas Mini (tanpa enjin) | 2 |
| 3. | Trak 4 ton (tanpa enjin) | 1 |
| 4. | Land Rover FFR | 1 |
| 5. | Land Rover FFR — lengkap dengan enjin | 1 |

## JUALAN BARANG-BARANG YANG SUDAH TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI DAN BESI BURUK SECARA TAWARAN

**LOT 88**

SILA hadapkan tawaran awda bagi mendapatkan barang-barang yang sudah tidak boleh digunakan lagi dan besi buruk.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan kepada Pemerintah Pasukan AMDB dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Balai Pengawal, Perkhemahan Berakas tidak lewat pada hari Jumaat 16 Disember, 1983 jam 1100 pagi.

3. Tawaran-tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan itu akan ditolak.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup dan mestilah tidak ada menunjukkan tanda nama pemohon pada sampul tersebut.

5. Semua sampul mestilah dibubuh Lot. 88.

6. Barang-barang tersebut bolehlah diperiksa di RSSD Logistik Depoh Perkhemahan Bolkiah sehingga hari Khamis 15 Disember, 1983 jam 1600 petang.

7. Semua barang adalah ditawarkan "sebagai berlonggok" dan mestilah dipindahkan oleh penawar-penawar yang berjaya dalam tempoh 14 hari dari pemberitahuan.

## Sebagai Tukang Kayu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG KAYU TINGKAT II, di Pejabat Laut, Brunei.

**Tanggagaji**: F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun serta mempunyai pengalaman praktikal sebagai Tukang Kayu Perahu.

b) Pemohon-pemohon mestilah lulus Darjah V Melayu atau yang sebanding dengannya, tetapi kelulusan yang rendah akan diterima bagi Pegawai-Pegawai yang lebih tua.

c) Pemohon-pemohon mestilah berkebolehan dalam kerja-kerja membuat dan membaiki serta kerosakan-kerosakan perahu-perahu Motosangkut dan Tamuai-Tamuai serta membaiki kapal-kapal penumpang yang kecil.

d) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan yang baik [illegible] jenis-jenis kayu [illegible] alat pengikat yang [illegible] kan di dalam [illegible] kapal-kapal dan [illegible] bermotor.

e) Calon-calon akan [illegible] kan ujian pertukangan [illegible] tuk menilai kebolehan [illegible] reka sebagai Tukang Kayu Perahu.

Seseorang yang sedang [illegible] khidmat dengan Kerajaan [illegible] daklah menghantar [illegible] honannya melalui Ketua [illegible] tannya dan Ketua Jabatan [illegible] hendaklah menyertakan [illegible] sama-sama dengan permohon[illegible] an ini satu Laporan Sulit [illegible] satu salinan Rekod Perkhid[illegible] matan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam [illegible] salinan borang yang boleh [illegible] dapati daripada Jabatan Per[illegible] jawatan, Brunei dan hendak[illegible] lah dikembalikan bersama-[illegible] sama dengan salinan surat-[illegible] surat akuan dan sijil-[illegible] kepada Setiausaha, Suruhan[illegible] jaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tingkat 5, Bangunan SPA. Tarikh tutup: 19 Disember, 1983.

(Bil :224/1983)
(E/1824/76)

## Sebagai Buruh Kasar Bergaji Hari[illegible]

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk memenuhi jawatan seperti berikut:—

a) Nama Jawatan: Buruh Kasar/separuh mahir/mahir.

b) Nama Majikan: Jabatan Perpindahan, Brunei.

c) Kadar Gaji: $13.60 — $23.10 sehari.

1. Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 tahun hingga 45 tahun.

2. Hendaklah tahu menulis dan membaca.

3. Pemohon-pemohon yang berumur 56 tahun dan telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

4. Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan yang berdekatan seperti berikut adalah diutamakan:
   i) Jabatan Perpindahan, Brunei.
   ii) Kampung Perpindahan, Berakas.
   iii) Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.
   iv) Kampung Perpindahan Serasa, Muara.

5. Gaji permulaan akan tertakluk kepada pengalaman dan kelayakan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab**:

1. Menjaga dan membersihkan di kawasan Taman Permainan Kanak-Kanak Jalan Surapit, Kampung Jaya Bakti, Perpindahan Berakas.

2. Memelihara dan membersihkan kawasan-kawasan Perpindahan.

3. Membuat kerja-kerja menebas, merantau, menarik rantai dan sebagainya.

Pemohon-pemohon adalah diminta untuk mendaftar di Bahagian Pusat Pekerjaan, Pejabat Buruh, Tkt. 2, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei dan menghantar [illegible] permohonan melalui Pejabat Buruh tidak lewat dari [illegible] Disember, 1983.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
## TENDER NOTICE
## PROJECT NO. 2098

1. TENDERS are invited from registered Telecom contractors with A or B classification.

2. The said tenders are for Extension of Duct Route along Jalan Kiarong toward Manglite Shophouse.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than Monday 19th December, 1983. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER FOR PROJECT 2098

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan [illegible] Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Monday 12th December, 1983 at the New Manglite Shophouse, Jalan Kiarong. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI POSMEN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai POSMEN di Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

Tanggagaji : F.2-3-4-5 EB.6 —$390-$620 sebulan

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi dalam mata pelajaran kepada mereka yang lulus Bahasa Inggeris serta boleh membaca tulisan Cina.

c) Kebolehan memandu kereta dan/ atau Motosangkut atau Motosikal serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu akan diberi keutamaan. Mempunyai lesen memandu kelas 5 adalah merupakan satu kelebihan.

d) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) tetapi mempunyai pengalaman bekerja di Pejabat Perkhidmatan Pos sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas :

Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian dalam tugas-tugas penyelanggaraan surat-surat dan bungkusan-bungkusan, seperti isihan, penyerahan, pungutan dan lain-lain tugas yang sebanding dengan jawatan Posmen, yang diarahkan oleh Ketua Bahagian sama ada secara memandu kenderaan atau sebaliknya.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: 27 Disember, 1839.

( Bil : 233/1983 ).

( E/322/62 )

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak majalah kanak-kanak, MEKAR dengan menggunakan sistem lithografi untuk Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. Penentuan-penentuan (specifications) untuk mencetak majalah ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
2. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang bertutup dan dibubuh perkataan-perkataan "Tawaran Mencetak Majalah Mekar" di Bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di luar pejabat Pegawai Kewangan Negara di tingkat bawah Bangunan Jabatan Setiausaha Kerajaan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 20 Disember, 1983.
4. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana atau tawaran yang paling rendah.

## TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

TAWARAN BIL.: 129/1983
Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK STOR KESIHATAN PEJABAT DAN BENGKEL DI JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN TUTONG.

Tarikh tutup: 12 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Brunei.

TAWARAN BIL.: 130/1983
Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK STOR KESIHATAN/PEJABAT DAN BENGKEL DI JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN SERIA.

Tarikh tutup: 12 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "A", "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Brunei.

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

No. 99/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Sabtu 31 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei.

SUPPLY OF BEAVER GRASS CUTTING MACHINE MODEL SDR 74S.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 100/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Sabtu 31 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei.

SUPPLY OF PAD LOCK BRASS WITH STEEL SHACKLE YALE OR UNION.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 101/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Sabtu 31 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei.

SUPPLY OF ZINC SHEET FLAT, VARIOUS SIZES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 102/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Sabtu 31 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei.

SUPPLY OF TYRES FOR VARIOUS SIZES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 103/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Januari 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei.

SUPPLY OF PIPES, SPECIALS AND FITTINGS FOR IMPROVEMENT AND EXTENSION OF BRUNEI WATER SUPPLY 1984.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong dengan membayar wang cagaran (deposit) sebanyak $500.00.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan) kecuali hari kelepasan awam.*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL. 401 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK : "SUB-KONTRAK BAGI SALURAN KOTOR UNTUK CADANGAN KELAB "JUNIOR RANKS" BAGI ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI DI CANTONMENT PENANJONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sabah Akitek dan Rakan, Rm 403, Bangunan Guru-Guru Melayu, P.O. Box 2316, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Disember, 1983.

Tarikh tutup : 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 402 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMBINAAN SERANGKAI PEMBENTUNGAN BAGI IBU PEJABAT BOMBA DAN SEKOLAH LATIHAN YANG DICADANGKAN DIJALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, JALAN BERAKAS."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 15 Disember 1983.

Tarikh tutup : 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 403 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK : "KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 7 UNIT BARIK PWD DI JALAN TASEK LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN DAN 16 UNIT, 4 UNIT DAN 8 UNIT BARIK PWD DI JALAN KEBANGSAAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 15 Disember 1983.

Tarikh tutup : 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL. 404 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pemasang Elektrik Kelas A dan B untuk

PROJEK : "PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PELINDUNG KEBAKARAN PADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Uni Konsult Jurutera Perunding, No. 202 Seri Shopping Complex, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Disember, 1983.

Tarikh tutup : 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL. 405 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-Pembekal borong dan Pemasang Hawa Dingin Kelas 'A' dan 'B' untuk

PROJEK : "PEMASANGAN HAWA DINGIN PADA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Uni Konsult Jurutera Perunding, No. 202 Seri Shopping Complex, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Disember, 1983.

Tarikh tutup : 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL. 406 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-Pembekal untuk :

PROJEK : "MEMBEKAL CAT KEPADA JABATAN KERJA RAYA DALAM JANGKA WAKTU SATU TAHUN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 15 Disember 1983.

Tarikh tutup : 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL. 407 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal dan Pemasang Hawa Dingin (dengan mempunyai pengalaman dalam pemasangan bilik-bilik sejuk) Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK : "PEMASANGAN BILIK-BILIK SEJUK UNTUK PASAR YANG DICADANGKAN DI GADONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sepakat Setia Perunding, Tingkat Dua, 147, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Januari, 1984.

Tarikh tutup : 8 Januari, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 408 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK : RANCANGAN PEREBEKALAN AIR UNTUK MENYIRAM PADANG GOLF POLIS DENGAN AIR SUNGAI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 15 Disember 1983.

Tarikh tutup : 19 Disember, 1983.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

## TUNTUTAN CERAI TA'ALEK

Dimaklumkan kepada AWANG MOHD. RUSLAND BIN ABDULLAH @ YU SI HUAN, W.N. Malaysia, di mana sahaja ianya berada di dalam Negara Brunei Darussalam dan Miri, Sarawak, Malaysia, dengan ini adalah dikehendaki hadir ke Mahkamah Kadi Daerah Belait, Brunei. Pada hari Selasa 20 Disember, 1983 bersamaan dengan 15 Rabilawal, 1404 jam 9.00 pagi, kerana isteri kamu Dayang Marinah binte Laman, menuntut cerai, dengan jalan ta'alek. Kiranya kamu tidak hadir, maka perbicaraan akan dijalankan juga.

Mahkamah Kadi Daerah Belait,
Belait.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Pembantu Teknik (Kejuruteraan Bangunan Dan Awam)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMBANTU TEKNIK (KEJURUTERAAN BANGUNAN DAN AWAM) di Jerudong Park, Brunei.

**Tanggagaji**: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Mempunyai G.C.E. 'O' Level dan lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Fizik.

b) Seorang Warga Negara Brunei yang berumur di antara 18 hingga 45 tahun.

c) Mestilah mempunyai City and Guilds Final Certificate dalam mata-mata pelajaran yang sesuai atau kelulusan yang sesuai atau kelulusan yang sebanding dari mana-mana Maktab Teknikal yang diiktiraf.

ATAU

d) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di (c) tetapi mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman praktikal dalam salah satu, atau lebih, cawangan-cawangan kerja kejuruteraan yang berikut akan juga dipertimbangkan. Kerja-kerja kejuruteraan Awam (Bangunan) ukur Kuantiti, pembekalan air daripada parit dan taliair, kerja-kerja saluran najis, Kejuruteraan Sektural dan jalan raya.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 26 Disember, 1983.

( E/871/78 )

( Bil : 229/83 ).

## Sebagai Tukang Kebun

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG KEBUN di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Tanggagaji**: F.1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon unuk dipertimbangkan.

d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.

**Amnya**:

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permoho n a n mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 16 Januari, 1984.

( E/883/71 )

( Bil. Iklan : 237/1983 ).

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran daripada "Class A & B Air Cond. Contractor adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, sehingga hari Selasa, 12 Disember, 1983 jam 12.00 tengah hari bagi kerja pemasangan yang tersebut di bawah:—

"AIR CONDITIONING INSTALLATION TO DEWAN BAHASA & PUSTAKA FOR TUTONG, BRUNEI."

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda degan seperti berikut:—

"AIR CONDITIONING INSTALLATION TO DEWAN BAHASA & PUSTAKA FOR TUTONG, BRUNEI."

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan didapati dari pejabat berikut:—

UNI KONSULT JURUTERA PERUNDING
No. 202, Seri Shopping Complex,
Mile 1½, Jalan Tutong,
P.O. Box 2338,
Bandar Seri Begawan.

mulai daripada hari Rabu 30 November, 1983 dalam waktu pejabat.

5. Cagaran tawaran (tender) deposit) sebanyak $500.00 (lima ratus ringgit sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong. Cagaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

## TAWARAN J.K.R. KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### SERIAL No. KB. 71/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI KEROSAKAN, MENGECAT LUAR DAN DALAM DI BANGUNAN LAMA SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH DAN PERUMAHAN GURU-GURU KUALA BELAIT.'

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Disember, 1983.

Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 72/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI KEROSAKAN, MENGECAT LUAR DAN DALAM DI BANGUNAN SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR DAN PERUMAHAN GURU-GURU KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 1 Disember, 1983.

Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 73/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong untuk:

PROJEK: "MEMBEKALKAN 28 SETS PERABOT KELAS III BAGI JABATAN PELAJARAN KUALA BELAIT." (6 SETS BAGI SEKOLAH MELAYU LUMUT, 18 SETS BAGI SEKOLAH MELAYU PANAGA DAN 4 SETS BAGI SEKOLAH MELAYU LABI).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Disember, 1983.

Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### SERIAL No. KB. 74/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong untuk:

PROJEK: MEMBEKALKAN CAT BAGI J.K.R. KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Disember, 1983.

Tarikh tutup: 12 Disember, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00.

## DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BRUNEI

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

A. PENYUNTING.

C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Mempunyai Diploma HND dalam mata pelajaran yang bersesuaian dan/atau lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu 'A' Level dan tiga mata pelajaran 'O' Level (tidak termasuk mata pelajaran Senilukis).

b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja penyuntingan buku dan majalah.

c) Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

B. PENYAMBUT/PENJAGA TELEFON.

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas**:

Selain daripada menjadi Penyambut [illegible] calin-calon yang [illegible] akan juga [illegible] bantu kerja-kerja [illegible] jika diperlukan.

**Am**:

Calon-calon yang [illegible] hendaklah bersedia [illegible] tugas di mana-mana [illegible] di dalam Negara [illegible] Darussalam.

Seseorang yang [illegible] khidmat dengan Kerajaan [illegible] daklah menghantar [illegible] honannya melalui Ketua [illegible] tannya dan Ketua Jabatan [illegible] hendaklah menyertakan [illegible] sama-sama dengan [illegible] an ini satu Laporan [illegible] satu salinan Rekod Per[illegible] matan yang lengkap.

Permohonan-permoho[illegible] mestilah dihantar [illegible] salinan borang yang [illegible] dapati daripada Jabatan [illegible] jawatan, Brunei dan [illegible] lah dikembalikan [illegible] sama dengan salinan [illegible] surat akuan dan [illegible] kepada Setiausaha, [illegible] jaya Perkhidmatan [illegible] Tingkat 5, Bangunan [illegible] Bandar Seri Begawan, [illegible] Tarikh tutup: 14 [illegible] 1984.

( E/1153/75 )

( Bil iklan : 234/1983 )

## Di Askar Melayu Diraja Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Askar Melayu Diraja Brunei.

1. PENJALAN MESIN : ( E/2062/81 )

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Berumur antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mestilah mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 dengan rekod yang baik, dan keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai Lesen Memandu Kelas 5.

c) Boleh mengendali dan memandu Jentera pengangkut (Kran) sehingga 30 tan dan lain lain peralatan jentera-jentera ringan.

d) Boleh melakukan rawatan terhadap jentera dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil seperti menukar tayar, menukar minyak dan sebagainya.

e) Memahami berat muatan yang selamat bagi jentera yang di dalam jagaannya dan memahami semua langkah-langkah keselamatan untuk mengangkat muatan-muatan berat.

f) Calon-calon yang berjaya tidak mempunyai Lesen Memandu Kelas 5 adalah dikehendaki untuk mengambil dan lulus Lesen Memandu Kelas 5 dalam tempoh percubaan mereka.

2. PENYELENGGARA SETOR TINGKAT II : ( E/295/77 ).

**Tanggagaji**: D. 2-3 EB. 4 — $515-$1175 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kuranynya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III sekurang-kurang[illegible]nya selama 3 tahun [illegible] juga dipertimbangkan.

3. PENYELENGGARA SETOR TINGKAT [illegible] ( E/545/79 ).

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. [illegible] $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon [illegible] lah berumur di antara [illegible] hingga 25 tahun dan [illegible] sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang [illegible] ding dengannya.

b) Calon-calon yang [illegible] mempunyai kelayakan yang tersebut di atas [illegible] mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelanggara Setor boleh [illegible] dipertimbangkan.

Calon-calon yang [illegible] hendaklah bersedia [illegible] berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam Negara.

4. TUKANG CAT (LAUT) : (E/[illegible])

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 [illegible] — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

Calon-calon hendaklah [illegible] umur antara 20 hingga [illegible] tahun dan mempunyai pengalaman dalam [illegible] kerja mengecat [illegible] painting) sekurang-kurang[illegible] nya selama 2 tahun.

Seseorang yang sedang [illegible] khidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan [illegible] hendaklah menyertakan [illegible] sama-sama dengan permohon[illegible] an ini satu Laporan Sulit [illegible] satu salinan Rekod Perkhid[illegible] matan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam [illegible] salinan borang yang boleh [illegible] dapati daripada Jabatan Per[illegible] jawatan, Brunei dan hendak[illegible] lah dikembalikan bersama-sama dengan salinan [illegible] surat akuan dan [illegible] kepada Setiausaha, Suruhan[illegible] jaya Perkhidmatan Awam [illegible] Tingkat 5, Bangunan [illegible] Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup: [illegible] 1984.

( E/2062/81 )

( Bil. Iklan : 213/1983 )

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai KETUA PEMBANTU TEKNIK di Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

**Tanggagaji :**

C. 3-4 EB 5 — $1735-$2580 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah mempunyai Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.

b) Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 6 tahun pengalaman dalam satu atau lebih dari lapangan berikut:—

Kejuruteraan Awam; Kerja-kerja Bangunan; Ukur Bahan; Kerja-kerja Mekanik Jentera; Kerja-kerja Air dan/atau Parit dan Tali Air; Kejuruteraan Sektural; Kerja-kerja saluran Najis; Pemeliharaan dan Pembinaan jalan raya.

Calon-calon yang berjaya akan bertanggungjawab terhadap semua perkhidmatan B dan C di salah sebuah khemah Askar Melayu Diraja Brunei.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 16 Januari, 1984.

( Bil. Iklan: 236/1983 )
( E/52/79 ).

## Sebagai Pemandu Tingkat Khas

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU TINGKAT KHAS di Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 - $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 16 Januari, 1984.

( E/182/76 )
( Bil iklan : 239/1983 ).

## PROPOSED MUARA TOWN SEWERAGE SCHEME (PHASE I), MUARA

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemborong Kelas 'A' sehingga hari Isnin 16 Januari 1984 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

PROPOSED MUARA TOWN SEWERAGE SCHEME (PHASE 1) MUARA.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut:—

TAWARAN UNTUK : PROPOSED MUARA TOWN SEWERAGE SCHEME (PHASE 1) MUARA.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

ASSOCIATED CONSULTANTS PTE LTD
No. F11,
Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex,
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

dimulai dari hari Rabu 7 Disember 1983 hingga jam 4.00 petang hari Selasa 10 Januari 1984.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut:—

a) Pemborong - pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam Kategori Kelas 'A' pemborong yang dikehendaki.

b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

BRUNEI

**MEMPELAWA TAWARAN**

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari Pemborong-pemborong yang dibenarkan oleh Syarikat untuk

1. BILANGAN TAWARAN 001625/LEN KATEGORI CB1 KELAS C

Pemeriksaan dan rambakrawat dandang-dandang.

Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ke Papan-papan kenyataan untuk Tawaran B.S.P.

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

### No. 85/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF CAST IRON FITTINGS TO BS 2035 CL "CD" PLAIN ENDED CLASS 'B' OR 'C' SUITABLE FOR USE WITH A/C PIPE CLASS "B" OR 'C'.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 86/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF ASBESTOS CEMENT PRESSURE PIPES & JOINTS TO BS. 486/1966 CLASS 'B' OR 'C' BITUMEN DIPPED PIPES TO BE SUITABLY PROTECTED AGAINST SCHIPPING AT ENDS. PIPES SHOULD BE IN STANDARD LENGTH OF 4 METRES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 87/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF RUBBER DUSTBIN WITH LID.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 88/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF AIR VALVES 1" SELF ACTING, C. I. BODY & COVER WITH CONICAL RUBBER OUTLET SEAT & GUIDE FOR BALL ACTING UNDER PRESSURE. FITTED WITH 3.15/16 BALL FOR WORKING PRESSURE UP TO 12 BAR (400 FT) FITTED AT INLET WITH SWIVELLED VALVE STOP COCK, SCREWED MALE 1" BSPT. (REF. GEOGE KENT FIGURE NO. 211)

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 89/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin tengah hari, hari Isnin 12 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF GALVANISED IRON PIPE FITTINGS FOR USE FOR GALVANISED IRON PIPE FOR WATER MEDIUM SERIES TO BS. 1387/1967

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 90/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei :—

SUPPLY OF DOOR CLOSER TYPE 71 "RYOBI" ATAU YANG SEBANDING DENGANNYA.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 91/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei :—

SUPPLY OF GALVANISED IRON PIPE FITTINGS SUITABLE FOR USE FOR GALVANISED IRON PIPE FOR WATER MEDIUM SERIES TO B.S. 1387/1967.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 92/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF CAST IRON DOUBLE FLANGED SLUICE VALVE B.S. 1218 CLASS I FITTED WITH SPINDLE CAP AND ARRANGED FOR CLOCKWISE CLOSING FLANGED TO B.S. 10 TABLE "D".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 93/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

PERBEKALAN PARANG MELAYU 19" DAN PARANG BENGKOK CAP "33".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 94/1983

TAWARAN-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 19 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF WHEELER HYDRAULIC PIPE CUTTER MODEL 29908 FOR CUTTING A.C. PIPE 2" — 8".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 95/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Sabtu 24 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF MANHOLE INSPECTION COVER AND PRAME, SINGLE HEAD, FLAT, SCREW DOWN TYPE, CLEAR OPENING : 24" x 18" OVERALL SIZE : 28" x 22" x 84 LBS TO BS 497/1967 — REF. C 6 24/18 C/W BRASS SCREW ⅜" x 1½" BSW. CSK HD. INSCRIBED "SEW".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 96/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Sabtu 24 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF BRC WELDED WIRE FABRIC MANUFACTURED IN ACCORDANCE WITH BSS. 1221.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 97/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Sabtu 24 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF PLYWOOD (WBP) WEATHER BOIL PROOFED MANUFACTURED FROM MENGKULANG OR MERANTI WOOD AND BONDED WITH THERMO-SETTING PHENOLIC ADHESIVE CONFORMING BSS. 1203 GRADE B/BB OR EQUIVALENT.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 98/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Sabtu 24 Disember, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei :—

SUPPLY OF SOAP POWDER DETERGENT MEDIUM PACK 200 GRAMS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## Pendaftaran lesen memandu dibaharui

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pengangkutan Darat akan memulakan sistem pendaftaran lesen memandu yang baharu tahun depan bagi semua permohonan menyambung atau lesen baharu (penuh atau sementara). Pemohon dikehendaki menghadapkan bersama-sama borang permohonan mereka kad pengenalan atau pasport bagi orang luar yang belum mempunyai kad pengenalan Negara Brunei Darussalam dan kad putih yang disediakan.

Kad putih yang disediakan dan borang permohonan hendaklah ditanda-tangani oleh pemohon dan akan digunakan sebagai rujukan pada permohonan-permohonan di masa-masa akan datang.

Dari itu pemohon-pemohon lesen memandu (penuh/sementara) yang dihadapkan mulai 12 Disember, 1983 adalah di kehendaki disertakan dengan kad putih yang diisi lengkap dengan kad pengenalan pemohon bagi pengesahan.

## Pusat Kesenian pindah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei di Kampung Serusop, Jalan Berakas dan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Kampung Perpindahan, Berakas akan mula berpindah ke bangunan barunya di Jalan Residency mulai esok, 8 Disember. Maka dengan itu kedua-dua pusat tersebut akan ditutup dari tarikh tersebut hingga pepindahan itu selesai kelak.

Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei yang baru di Jalan Residency itu akan dibuka kepada orang ramai selepas pembukaan rasmi bangunan tersebut yang dijadualkan akan diadakan pada 1 Januari 1984.

### Dari muka 1

Buruh di Jalan Istana Darussalam dan borang-borang bolehlah didapati di cawangan berkenaan atau mana-mana cawangan Jabatan Imigresen seluruh negara.

Bagi warganegara Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negeri, urusan-urusan sedang dibuat untuk permohonan mendapatkan pasport berkenaan melalui Pejabat-Pejabat Perwakilan Kerajaan di seberang laut yang ditubuhkan.

"Dan tempat-tempat yang tidak mempunyai Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam, mereka bolehlah membuat perhubungan dengan mana-mana Pejabat Perwakilan British di negeri-negeri, berkenaan," tambah Dato Paduka Abidin.



Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menyampaikan hadiah kepada johan Permainan Lalulintas Brunei Shell tahun ini.

# SENTIASA WASPADA DI JALAN RAYA

SERIA. — Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar menegaskan keselamatan jalan raya mustahak diambil berat oleh setiap penggunanya bagi mengelakkan kemalangan.

Bersabda ketika merasmikan Pertandingan Permainan Lalulintas Se-Negara dan Pembukaan Taman Lalulintas Brunei Shell di Kawasan Perumahan G-12 di sini pada pagi hari Ahad 4 Disember lepas. Yang Amat Mulia mengharapkan agar mereka akan dapat mengambil munafaat dengan sentiasa berwaspada di jalan raya dan bertanggungjawab mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.

Terdahulu dari itu, Pemangku Pegawai Daerah Belait selaku Penaung Jawatankuasa Tertinggi Pusat Pertandingan Permainan Lalulintas Brunei Shell Peringkat Negara Pengiran Alihassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas telah juga menyampaikan ucapan.

Pegawai Hal-Ehwal Masyarakat Barat Brunei SMSBB merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pusat Permainan Lalulintas Brunei Shell Peringkat Negara, Awang Mohd. Shariff bin Haji Naweh telah juga menyampaikan ucapan alu-aluan.

Pertandingan itu telah dimenangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Kampung Mata-Mata Gadong yang juga telah merebut 'medallion' perseorangan dan sebuah piala rebutan.

Naib johan dimenangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Datu Ahmad Burong Pingai Ayer dan Sekolah Persediaan Inggeris Kiudang, Tutong memenangi tempat ketiga.

Seramai 200 orang murid dari 10 buah sekolah rendah dari seluruh negara telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Di antara yang hadir ialah Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awg. Peter Everett; pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai-pegawai kanan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Taman kekal Permainan Lalulintas Brunei Shell itu telah siap dalam bulan November lepas dengan menelan belanja kira-kira 100 ribu ringgit dan mempunyai keluasan 108" x 216".

## Ibu bapa diseru: Bersikap Tanggungjawab

BANDAR SERI BEGAWAN — Pemangku Pengarah Pelajaran Dato Paduka Awang Selamat bin Munap menyeru ibu bapa supaya mempunyai sikap tanggungjawab terhadap pelajaran anak-anak bukan hanya setakat menghantar atau menyerahkan kepada guru semata-mata.

Beliau menjelaskan, kita sebagai ibu bapa semestinyalah mengambil berat terhadap persekolahan mereka dan membimbing agar menjadi warganegara yang berguna di masa hadapan.

Menerusi jawatankuasa sekolah yang ada katanya, kita dapat berkerjasama dengan guru-guru untuk membincangkan perkara-perkara dan [illegible] jaran anak-anak [illegible] nya membi[illegible] mereka gagal dalam [illegible] saan.

Dato Paduka [illegible] Selamat ketika [illegible] demikian di majlis [illegible] Hari Ibu Bapa yang [illegible] bagi Sekolah Me[illegible] Sungai Kebun pada [illegible] Ahad lepas menerang[illegible] jaan melalui Jabatan [illegible] jaran sentiasa [illegible] memperbaiki prestasi [illegible] capaian murid-murid [illegible] setiap peperiksaan [illegible] di dalam bidang [illegible] jaran kira-kira, Sains [illegible] Bahasa Inggeris.

Ke arah tersebut [illegible] bahnya, mulai tahun [illegible] susunan mata-mata pelajaran di semua sekolah dan [illegible] telah diatur serta [illegible] perkemaskan peringkat [illegible] peringkat yang [illegible] perlaksanaannya memerlukan tenaga-tenaga pengajar [illegible] berkemahiran.

Sehubungan dengan [illegible] Jabatan Pelajaran juga [illegible] sedang berusaha [illegible] nyelaraskan latihan [illegible] guruan untuk mempe[illegible] taraf kelulusan, kelayakan serta kemahiran guru-guru bagi memenuhi [illegible] tersebut.

Terdahulu dari [illegible] Pengerusi Jawatankuasa Sekolah dan Pengetua Sekolah Menengah [illegible] Kebun Awang Haji [illegible] Sulaiman telah menyam[illegible] paikan ucapan alu-aluan.

## Ibu Pejabat Polis Daerah pindah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ibu Pejabat Polis Daerah Brunei yang terletak di Jalan Stoney telah pun berpindah ke bangunan bekas Ibu Pejabat Pasukan Polis Simpanan Gadong berhadapan dengan Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei mulai 1 Disember yang lalu.

Bangunan lama Ibu Pejabat Polis Daerah Brunei di Jalan Stoney itu dijadikan sebagai Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan.



Y.A.M. Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali menyampaikan hadiah kejohanan kepada pasukan juara Kuiz Keselamatan Jalan Raya tahun ini.

## Kuiz Keselamatan Jalan Raya

BANDAR SERI BEGAWAN — Daerah Tutong telah ber[illegible] jaya menjadi johan dalam pertandingan akhir kuiz keselamatan jalan raya [illegible] belia-belia peringkat negara tahun ini yang telah diada[illegible] oleh Persatuan Pemuda Penanjong (PERDA).

Tempat kedua ialah Persatuan Gabungan Belia [illegible] dan Lumut dari Daerah Belait.

Di tempat ketiga Persatuan Pertiwi Daerah Brunei dan Muara; manakala keempat pula ialah Daerah Temburong yang diwakili oleh Persatuan Lumbawang [illegible] (PLMB).

Kejohanan kuiz belia-belia tersebut dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya dan berlangsung di Dewan Raya RTB pada hari Ahad lepas.

Y.A.M. Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali [illegible] Pengiran Haji Mohd [illegible] telah menyampaikan hadiah di akhir pertandingan tersebut.

# Lupa masalah persekolahan anak-anak

SERIA. — YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Abd. Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja bersabda, terdapat setengah ibu bapa lupa akan masalah persekolahan anak-anak mereka sehingga tidak dapat meluangkan masa dengan pelajaran anak-anak di rumah.

Sabdanya terdapat sungutan dari beberapa orang guru yang menyatakan ada di antara ibu bapa menyerahkan bulat-bulat hal-ehwal pelajaran anak-anak mereka kepada guru semata-mata.

Bersabda demikian merasmikan perayaan Jubli Perak dan Hari Ibu Bapa Maktab Anthony Abell bertempat di Dewan tersebut di sini Sabtu lepas Y.A.M. memuji di kebanyakan sekolah sekarang telah mempunyai persatuan ibu bapa dan guru yang bertujuan untuk sama-sama membincangkan serta mengatasi masalah-masalah penuntut di sekolah itu.

Menurutnya, melalui persatuan tersebut sesuatu masalah itu bukan saja dapat dibincangkan dan dipertanggungjawabkan oleh kedua belah pihak, malah juga akan dapat menjalin persefahaman di antara guru dan ibu bapa dalam meningkatkan tahap pelajaran anak-anak mereka.

Yang Amat Mulia menggesa para ibu bapa dan guru agar memberi didikan awal yang berunsur kebajikan kepada kanak-kanak supaya jika mereka dewasa nanti akan menjadi warganegara yang berguna dan bertanggungjawab.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz berharap supaya para penuntut akan meningkatkan mutu pelajaran bagi menandingi peruntukan yang telah banyak dicurahkan oleh Kerajaan.

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.